- iii. Yong telah memberi pinjaman sebanyak RM10000 kepada perkongsiannya. Kadar faedah atas pinjaman ialah 5% setahun. Perkongsian telah membayar Yong faedah atas pinjaman sebanyak RM300 pada akhir tempoh perakaunan.
- iv. Untung bersih bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 ialah RM16000.
- v. Yong dan Wong bersetuju bahawa keuntungan dibahagi secara sama rata antara mereka.

Sediakan Akaun Modal setiap pekongsi dengan menggunakan:

- (a) Kaedah Modal Berubah
- (b) Kaedah Modal Tetap

Penyelesaian:

(a) Kaedah Modal Berubah

Akaun Modal Yong					
2020		RM	2020		RM
Mac 1	Ambilan	2000	Jan 1	Bank	50000
Dis 31	Baki h/b	68200	Dis 31	Pengasingan Untung Rugi	8000
				Gaji	12000
				Faedah atas pinjaman	200
		70200			70200
			2021		
			Jan 1	Baki b/b	68200

Akaun Modal Wong					
2020		RM	2020		RM
Dis 31	Baki h/b	58000	Jan 1	Bank	40000
			Jul 1	Bank	10000
				Pengasingan Untung Rugi	8000
		58000			58000
			2021		
			Jan 1	Baki b/b	58000

Akaun Modal boleh disediakan secara **beruangan**.

Akaun Modal (Beruangan)							
2020		Yong	Wong	2020		Yong	Wong
Mac 1	Ambilan	2000		Jan 1	Bank	50000	40000
Dis 31	Baki h/b	68200	58000	Jul 1	Bank		10000
					Pengasingan Untung Rugi	8000	8000
					Gaji	12000	
					Faedah atas pinjaman	200	
		70200	58000			70000	58000
				2021			
				Jan 1	Baki b/b	68200	58000

(c) Kaedah Modal Tetap

Akaun Modal Yong					
2020		RM	2020		RM
Dis 31	Baki h/b	50000	Jan 1	Bank	50000
		50000			50000
			2021		
			Jan 1	Baki b/b	50000

Akaun Modal Wong					
2020		RM	2020		RM
Dis 31	Baki h/b	50000	Jan 1	Bank	40000
			Jul 1	Bank	10000
		50000			50000
			20x4		
			Jan 1	Baki b/b	50000

Akaun Modal (Beruangan)							
2020		Yong	Wong	2020		Yong	Wong
Dis 31	Baki h/b	50000	50000	Jan 1	Bank	50000	40000
				Jul 1	Bank		10000
		50000	50000			50000	50000
				2021			
				Jan 1	Baki b/b	50000	50000

Akaun Semasa Yong					
2020		RM	2020		RM
Mac 1	Ambilan	2000	Dis 31	Gaji	12000
Dis 31	Baki h/b	18200		Pengasingan Untung Rugi	8000
				Faedah atas pinjaman	200
		20200			20200
			2021		
			Jan 1	Baki b/b	18200

Akaun Semasa Wong					
2020		RM	2021		RM
Dis 31	Baki h/b	8000	Dis 31	Pengasingan Untung Rugi	8000
		8000			8000
			2021		
			Jan 1	Baki b/b	8000

Akaun Semasa (Beruangan)							
2020		Yong	Wong	2020		Yong	Wong
Mac 1	Ambilan	2000		Dis 31	Gaji	12000	
Dis 31	Baki h/b	18200	8000		Pengasingan Untung Rugi	8000	8000
					Faedah atas pinjaman	200	
		20200	8000			20200	8000
				2021			
				Jan 1	Baki b/b	18200	8000

LAMPIRAN : LATIHAN (Tahap 6)

Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perkongsian FA pada 30 Jun 2020.

Perkongsian FA Imbangan Duga pada 30 Jun 2020

	Debit	Kredit
	(RM)	(RM)
Modal (1 Julai 2019):		
Fatini		60 000
Farzana		60 000
Premis (kos)	70 000	
Kenderaan (kos)	50 000	
Akaun Semasa (1 Julai 2019):		
Fatini	1 600	
Farzana		4 500
Ambilan:		
Fatini	10 000	
Farzana	6 000	
Bank		2 500
Tunai	2 100	
Gaji Fatini	8 000	
Akaun Belum Terima	18 800	
Akaun Belum Bayar		16 320
Inventori 30 Jun 2020	16 400	
Pinjaman daripada Farzana		15 000
Untung bersih		23 080

Maklumat tambahan:

Ikatan perjanjian telah menetapkan perkara berikut:

- i) Faedah atas modal 6 % setahun.
- ii) Faedah atas ambilan 8 % setahun.
- iii) Gaji bulanan Fatini adalah RM 800

- iv) Faedah atas pinjaman pekongsi 10% setahun.
- v) Untung dan rugi dibahagikan sama rata antara Fatini dan Farzana

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2020
- (b) Akaun Modal Pekongsi. (bentuk beruangan) (Guna Kaedah Modal Tetap)
- (c) Akaun Semasa pekongsi. (bentuk beruangan)

Jawapan:

(a) Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2020

	RM	RM
Untung bersih		23080
Tambah: Faedah atas ambilan		1280
		24360
Tolak: Faedah atas modal	7200	
Gaji Fatini	9600	
		(16800)
Akaun Semasa:		7560
Fatini (7560 x 1/2)	3780	
Farzana (7560 x 1/2)	3780	
		(7560)
		0

(b)(b)

Akaun Modal (Beruangan)							
2020		Fatini	Farzana	2019		Fatini	Farzana
Jun 30	Baki h/b	60000	60000	Jul 1	Baki b/b	60000	60000
		60000	60000			60000	60000
				2020			
				Jul 1	Baki b/b	60000	60000

Akaun Semasa

Tarikh	Butir	Fatini	Farzana	Tarikh	Butir	Fatini	Farzana
2019 Jul 1	Baki b/b	1 600	-	2019 Jul 1	Baki b/b	-	4 500
2020 Jun 30	Faedah atas Ambilan	10 000	6 000	2020 Jun 30	Faedah atas modal	3 600	3 600
	Ambilan	800	480		Gaji pekongsi	1 600	-
	Baki h/b		6 900		Faedah atas pinjaman		1 500
					Pengasingan untung rugi	3 780	3 780
					Baki h/b	3 420	
		12 400	13 380			12 400	13 380
Jul 1	Baki b/b	3 420		Jul 1	Baki b/b		6 900

Sasaran	Pelajar Tingkatan 5
Subjek	Prinsip Perakaunan
Topik/Tema	MODUL 13.0 : PERAKAUNAN UNTUK PERKONGSIAN
Nota Berkaitan	Rujuk Buku Teks muka surat 126 - 132
Topik/tema	Rujuk Lampiran 1 (CONTOH)
Standard Kandungan	13.3 Ekuiti Pemilik dan Penyata Kewangan Perkongsian
Standard Pembelajaran	13.3.3 Menghasilkan Penyata Kewangan Perkongsian berdasarkan maklumat yang berkaitan dalam bentuk 'T' dan format penyata. 13.3.4 Merumuskan perbezaan Ekuiti Pemilik antara perniagaan perkongsian dan milikan tunggal.
Objektif Pembelajaran	Murid dapat : i. Menghasilkan Penyata Kewangan Perkongsian berdasarkan maklumat yang berkaitan dalam bentuk 'T' dan format penyata. ii. Membezakan Ekuiti Pemilik antara perniagaan perkongsian dan milikan tunggal
Tempoh Pelaksanaan Aktiviti	1 Jam 30 Minit
Pentaksiran	Tahap 6: Menghasilkan Penyata Kewangan Perkongsian dalam bentuk 'T' dan format penyata.
Panduan Kerja buat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pelajar baca nota dan fahami contoh yang diberi. (Rujuk Lampiran 1) 2. Murid-murid perlu memahami contoh tersebut. 3. Murid juga boleh melayari pautan yang diberi untuk rujukan lebih lanjut. https://www.youtube.com/watch?v=KqkhqasKQ30 https://www.youtube.com/watch?v=gUxmhHUEl34 https://www.youtube.com/watch?v=rVX3zOKvw5M 4. Sekiranya murid-murid menghadapi masalah untuk memahami tajuk tersebut, murid-murid digalakkan untuk mendapatkan bimbingan daripada guru.

	<p>5. Setelah memahami contoh tersebut, murid-murid hendaklah menjawab soalan Latihan dalam modul yang telah disediakan oleh guru. (Rujuk Lampiran 2)</p> <p>6. Pelajar menghantar jawapan kepada guru untuk semakan dan guru merekod dalam fail PBD.</p>
--	---

LAMPIRAN : NOTA

Berikut ialah carta aliran penyediaan Penyata Kewangan perniagaan perkongsian



Perbezaan Ekuiti Pemilik antara perniagaan Perkongsian dan Perniagaan Milikan Tunggal

Nama Perkongsian			
Penyata Kedudukan Kewangan pada...			
		RM	RM
	Ekuiti Pemilik		
	Akaun Modal Pekongsi A	X	
	Akaun Modal Pekongsi B	X	
			XX
	Akaun Semasa Pekongsi A	X	
	Akaun Semasa Pekongsi B	X	
			XX

Nama Milikan Tunggal			
Penyata Kedudukan Kewangan pada...			
		RM	RM
	Ekuiti Pemilik		
	Modal awal		X
	Tambah: Untung bersih		X
			XX
	Tolak : Ambilan		(X)
	Modal akhir		XX

CONTOH SOALAN

Anjeli, Lenny dan Raishan adalah pekongsi dalam Perkongsian ALR yang berkongsi untung atau rugi mengikut nisbah modal. Perjanjian perkongsian mereka menetapkan perkara yang berikut:

- i. Faedah atas modal 10% setahun
- ii. Faedah atas ambilan 5% setahun
- iii. Faedah atas pinjaman pekongsi 8% setahun
- iv. Gaji tahunan Anjeli dan Lenny ialah RM6 000 dan RM5 000

Yang berikut adalah Imbangan Duga Perkongsian ALR pada 31 Disember 2020.

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Premis (kos)	70 000	
Alatan pejabat (kos)	24 450	
Akaun Belum Bayar		5 400
Bank		5 730
Modal pada 1 Januari 2020:		
Anjeli		40 000
Lenny		30 000
Raishan		10 000
Akaun Semasa pada 1 Januari 2020:		
Anjeli		1 400
Lenny		1 100
Raishan	800	
Perabot (kos)	12 100	
Pinjaman Lenny		10 000
Ambilan :		
Anjeli	1 500	
Lenny	2 000	
Raishan	1 000	
Diskaun diberi	300	
Pulangan belian		450
Susut nilai terkumpul premis		3 500
Gaji Anjeli	2 000	
Belian dan Jualan	36 400	62 170
Inventori pada 1 Januari 2020	10 600	
Faedah atas pinjaman	300	
Sewa		6 900
Insurans	5 250	
Kadar bayaran	1 800	

Maklumat Tambahan

- i. Inventori pada 31 Disember 2020 bernilai RM29 100 pada harga kos dan RM32 400 pada harga pasaran.
- ii. Insurans RM480 masih belum tamat tempoh.
- iii. Pada 1 Julai 2020, Raishan membuat ambilan inventori bernilai RM1 000 untuk kegunaan keluarga. Perkara ini terlupa direkodkan dalam mana-mana buku.
- iv. Sebahagian daripada premis disewakan kepada peniaga lain dengan kadar RM800 sebulan.
- v. Premis disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi Perkongsian ALR bagi tahun berakhir 31 Disember 2020;
- (c) Akaun Semasa bagi setiap pekongsi (beruangan);
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020.

Jawapan: (a)

Perkongsian ALR			
Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020			
	RM	RM	RM
Jualan			62 170
Tolak : Kos Jualan			
Inventori awal		10 600	
Belian (36 400 – 1 000)	35400		
Tolak : Pulangan belian	450		
Belian bersih		34950	
Kos barang untuk dijual		45550	
Tolak : Inventori akhir		29100	
Kos jualan			16450
Untung kasar			45720
Tambah : Hasil			
Sewa diterima (RM800 X 12bln)			9600
			55320

Tolak : Belanja			
Diskaun diberi		300	
Kadar bayaran		1 800	
Insurans (RM5 250-RM480)		4 770	
Susut nilai premis [10% X(RM70 000 – RM3 500)]		6 650	
Faedah atas pinjaman (8% X RM10 000)		800	
			14320
Untung bersih			41000

(b)

Perkongsian ALR		
Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020		
	RM	RM
Untung bersih		41 000
Tambah : Faedah atas ambilan		275
		41 275
Tolak : Faedah atas modal	8000	
	11000	19 000
		22 275
Tolak :		
Akaun semasa Anjeli (4/8 X RM22 275)	11 138	
Akaun semasa Lenny (3/8 X RM22 275)	8 353	
Akaun semasa Raishan (1/8 X RM22 275)	2 784	22 275
		22 275

(c)

Akaun Semasa (Beruangan)									
2020		Anjeli	Lenny	Raishan	2020		Anjeli	Lenny	Raishan
Jan 1	Baki b/b			800	Jan 1	Baki b/b	1400	1100	
Dis 31	Ambilan	1500	2000	1000	Dis 31	Faedah atas modal	4000	3000	1000
	Faedah atas ambilan	75	100	100		Gaji	4000	5000	
	Baki h/b	18963	15853	884		Pengasingan Untung Rugi	11138	8353	2784
						Faedah atas pinjaman		500	
		20538	17953	2784			20538	17953	2784
					2021				
					Jan 1	Baki b/b	18963	15853	884

(d)

Perkongsian ALR				
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020				
	Kos	Susut Nilai Terkumpul	Nilai Buku	Jumlah
Aset Bukan Semasa				
Premis	70000	10150	59850	
Alatan pejabat	24450		24450	
Perabot	12100		12100	
				96400
Aset Semasa				
Inventori akhir			29 100	
Akaun Belum Terima			8 150	
Insurans Prabayar			480	
Sewa Belum Bayar (RM9 600 – RM6 900)			2700	

			40430	
<i>Tolak</i> : Liabiliti Semasa				
Akaun Belum Bayar		5 400		
Bank		5 730		
			11130	
Modal Kerja				29300
				125700
Ekuiti Pemilik				
Akaun Modal :				
Anjeli			40 000	
Lenny			30 000	
Raisha			10 000	
				80000
Akaun Semasa :				
Anjeli			18 963	
Lenny			15 853	
Raishan			884	
				35700
Liabiliti Bukan Semasa				
Pinjaman				10000
				125700

LAMPIRAN : LATIHAN (Tahap 6)

Prita dan Dilla adalah pekongsi perniagaan Perkongsian PDL yang menjalankan operasi perniagaan di Baling, Kedah. Mereka bersetuju untuk membahagikan untung atau rugi secara sama rata. Imbangan Duga Perkongsian PDL pada 31 Disember 2020 adalah seperti yang berikut.

Perkongsian PDL		
Imbangan Duga pada 31 Disember 2020		
	Debit (RM)	Kredit (RM)
Modal pada 1 Januari 2020:		
Prita		40 000
Dilla		40 000
Akaun Semasa pada 1 Januari 2020		
Prita		3 450
Dilla		2 850
Akaun belum terima dan Akaun belum bayar	22 848	28 360
Sewa diterima		2 400
Inventori pada 1 Januari 2020	12 600	
Komisen diterima		6 600
Gaji Prita	3 000	
Pulangan		480
Premis	70 000	
Susut nilai terkumpul premis		10 500
Belian dan Jualan	89 600	120 628
Belanja am	700	
Bank	29 100	
Gaji pekerja	17 900	
Perabot	9 520	
	255 268	255 268

Maklumat Tambahan

- i. Inventori pada 31 Disember 2020 bernilai RM25 260
- ii. Komisen belum diterima berjumlah RM600
- iii. Premis disusut nilai sebanyak 10% setahun atas kos
- iv. Faedah atas modal 7% setahun.
- v. Prita sebagai pengurus dibayar gaji RM8 000 setahun

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020
- (c) Akaun Semasa pekongsi (bentuk beruangan)
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020

SKEMA JAWAPAN

(a)

Perkongsi PDL			
Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020			
	RM	RM	RM
Jualan			120 628
<i>Tolak:</i> Kos Jualan			
Inventori awal		12 600	
Belian	89 600		
<i>Tolak:</i> Pulangan belian	(480)		
Kos belian		89 120	
Kos barang untuk dijual		10 1720	
<i>Tolak:</i> Inventori akhir		(25 260)	
Kos jualan			76 460
Untung kasar			44 168
<i>Tambah:</i> Hasil			
Komisen diterima		7 200	
Sewa diterima		2 400	
			9600
			53 768

<i>Tolak:</i> Belanja			
Gaji pekerja		17 900	
Susut nilai premis		7 000	
Belanja am		700	
			25 600
Untung Bersih			28168

(b)

Pekongsian PDL		
Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020		
	RM	RM
Untung bersih		28 168
<i>Tolak:</i> Faedah atas modal	5 600	
Gaji	8 000	
		(13 600)
		14 568
<i>Tolak:</i> Akaun Semasa Prita	7 284	
Akaun Semasa Dilla	7 284	
		14 568

(c)

Akaun Semasa							
Tarikh	Butir	Prita	Dilla	Tarikh	Butir	Prita	Dilla
2020		RM	RM	2020		RM	RM
Dis 31	Baki h/b	18 534	12 934	Jan 1	Baki b/b	3 450	2 850
				Dis 31	Faedah atas modal	2 800	2 800
					Gaji	5 000	
					Pengasingan Untung Rugi	7 284	7 284
		18 534	12 934			18 534	12 934
				2021			
				Jan 1	Baki b/b	18 534	12 934

(d)

Perkongsian PDL				
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020				
	Kos	Susut Nilai Terkumpul	Nilai Buku	Jumlah
ASET BUKAN SEMASA				
Premis	70 000	(17 500)	52 500	
Perabot	9 520		9520	
				62 020
ASET SEMASA				
Inventori akhir		25 260		
Akaun belum terima		22 848		
Bank		29 100		
Komisen belum terima		600		
			77 808	
<i>Tolak</i> : Liabiliti Semasa				
Akaun belum bayar			(28 360)	
Modal kerja				49 448
				111 468
Ekuti Pemilik				
Akaun Modal:				
Prita			40 000	
Dilla			40 000	
				80 000
Akaun Semasa:				
Prita			18 534	
Dilla			12 934	
				31 468
				111 468

Sasaran	Pelajar Tingkatan 5
Subjek	Prinsip Perakaunan
Topik/Tema	MODUL 13.0 : PERAKAUNAN UNTUK PERKONGSIAN
Nota Berkaitan	Rujuk Buku Teks muka surat 133-146
Topik/Tema	Rujuk Lampiran 1 (Nota)
Standard	13.4 Pembubaran Perkongsian
Kandungan	
Standard	13.4.1 Menerangkan sebab pembubaran perkongsian
Pembelajaran	13.4.2 Menerangkan tatacara pembubaran perkongsian 13.4.3 Merekod pembubaran perkongsian dalam Jurnal Am 13.4.4 Menyediakan Akaun Realisasi, Akaun Bank, Akaun Modal pekongsi dan akaun-akaun yang berkaitan 13.4.5 Membincang penyelesaian apabila Akaun Modal pekongsi berbaki debit di akhir proses pembubaran
Objektif	Murid dapat:
Pembelajaran	1. Menerangkan sebab pembubaran perkongsian 2. Menerangkan tatacara pembubaran perkongsian 3. Merekod pembubaran perkongsian dalam Jurnal Am 4. Menyediakan Akaun Realisasi, Akaun Bank, Akaun Modal pekongsi dan akaun-akaun yang berkaitan 5. Membincang penyelesaian apabila Akaun Modal pekongsi berbaki debit di akhir proses pembubaran
Tempoh	Minggu ke-14
Pelaksanaan	
Aktiviti	
Pentaksiran	Tahap 4: Merekodkan pembubaran perkongsian dalam Jurnal Am Tahap 5: Mentaksir untung atau rugi realisasi Tahap 6: Menyediakan Akaun Realisasi, Akaun Bank, Akaun Modal Pekongsi dan akaun- akaun berkaitan serta merumuskan penyelesaian bagi akaun modal pekongsi berbaki debit di akhir proses pembubaran
Panduan Kerja	1. Pelajar merujuk buku teks dan nota yang diberi. (Rujuk Lampiran 1)
Buat	2. Para pelajar perlu memahami tajuk tersebut.

3. Para pelajar juga digalakkan untuk membuat rujukan daripada internet/ laman sesawang untuk mengukuhkan pengetahuan dan pemahaman pelajar. Sumber rujukan :

<https://www.youtube.com/watch?v=aXr6StifnI8>

<https://www.youtube.com/watch?v=06IWnwUy8kI>

4. Sekiranya pelajar menghadapi masalah untuk memahami tajuk tersebut, mereka digalakkan untuk mendapat bimbingan daripada guru.

5. Setelah memahami tajuk tersebut, pelajar- pelajar hendaklah menjawab kesemua soalan latihan dalam modul yang telah disediakan oleh guru.

(Rujuk Lampiran 2)

6. Pelajar menghantar jawapan kepada guru untuk semakan dan guru merekod dalam fail PBD.

Sebab Pembubaran Perkongsian

Berlaku kematian, muflis, atau tidak siuman kepada salah seorang pekongsi

Tempoh perjanjian perkongsian telah tamat

Tujuan penubuhan perkongsian telah tercapai

Arahan mahkamah untuk membubarkan perkongsian

Perkongsian ditukarkan ke syarikat berhad

Pekongsi bersetuju dan sepakat untuk membubarkan perkongsian

Langkah-langkah Pembubaran Perkongsian

• menutup semua akaun aset (aset perlu dijual atau diambil alih oleh pekongsi)

• menjelaskan semua liabiliti perniagaan

• perkongsian membayar kepada pekongsi atau pekongsi membayar kepada perkongsian mengikut baki di Akaun Modal dan Akaun semasa

• Membatalkan nama perniagaan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

Fungsi Akaun Realisasi

merekod semua aset yang dijual atau diambil alih

menghitung keuntungan atau kerugian atas pembubaran

membahagikan keuntungan atau kerugian atas pembubaran

Format Akaun Realisasi

Akaun Realisasi

2020	Butir	RM	2020	Butir	RM
Mac 31	Aset Bukan Semasa	X	Mac 31	Bank (Jualan Aset)	X
	Akaun Belum Terima	X		Bank (Akaun Belum Terima)	X
	Inventori	X		Akaun Belum Bayar	X
	Bank (Liabiliti Tambahan)	X		(Diskaun Diterima)	
	Bank (Belanja Realisasi)	X		Modal P	X
	Modal P	X			
	Modal Q	X			
		XX			XX

*Jika rugi realisasi, Modal P dan Modal Q dicatat di sebelah kredit Akaun Realisasi.

CONTOH SOALAN

Moses dan Charles adalah rakan kongsi sebuah firma perkongsian. Mereka berkongsi untung atau rugi secara sama rata. Aset dan liabiliti mereka pada 30 Mac 2020 adalah seperti berikut.

	RM
Alatan kedai	27920
Inventori	35868
Akaun Belum Terima	3360
Bank	3852
Modal Moses	24000
Modal Charles	36000
Akaun Belum Bayar	11000

Pada 1 April 2020, Moses dan Charles bersetuju membubarkan perniagaan perkongsian mereka. Perkara- perkara yang berikut telah dipersetujui.

- i. Alatan dan inventori dijual dengan harga RM 62 400
- ii. Pelanggan menjelaskan hutang sebanyak RM 3 240
- iii. Belanja realisasi ialah RM 102
- iv. Akaun Belum Bayar dibayar sepenuhnya.

Berdasarkan maklumat berikut, sediakan :

- | | |
|--|---------|
| a) Catatan Jurnal Am untuk merekod pembubaran perniagaan | TP4 |
| b) Akaun Realisasi | TP5 & 6 |
| c) Akaun Modal (Beruangan) | TP6 |
| d) Akaun Bank | TP6 |

JAWAPAN CONTOH SOALAN

TIPS: Untuk menjawab soalan a), sila rujuk nota "langkah- langkah pembubaran perkongsian pada muka surat 2.

a) Tahap Penguasaan 4 :

a) Jurnal Am

Tarikh	Butir	Fol	Debit	Kredit
2020 Mac 31	Realisasi Alatan Kedai Inventori Akaun Belum Terima (menutup Akaun aset dan memindahkan ke Akaun Realisasi)		RM 67148	RM 27920 35868 3360
Mac 31	Bank Realisasi (merekod penerimaan daripada penjualan aset)		62400	62400
Mac 31	Bank Realisasi (merekod penerimaan daripada Akaun Belum Terima)		3240	3240
Mac 31	Realisasi Bank (merekod belanja realisasi)		102	102
Mac 31	Akaun Belum Bayar Bank (merekod pembayaran akaun belum bayar)		11000	11000
Mac 31	Modal Moses Modal Charles Realisasi (merekod untung atau rugi realisasi)		805 805	1610
Mac 31	Bank Modal Moses Modal Charles (merekod pembayaran balik kurangan modal)		46390	23195 23195

b) Tahap Penguasaan 5 & 6 :

Akaun Realisasi					
2020	Butir	RM	2020	Butir	RM
Mac 31	Alatan Kedai	27 920	Mac 31	Bank	62 400
	Inventori	35 868		Bank	3 240
	Akaun Belum Terima	3 360		Modal Moses	805
	Bank	102		Modal Charles	805
		<u>67 250</u>			<u>67 250</u>

*Modal Moses dan Charles di sebelah kredit Akaun Realisasi kerana berlaku rugi realisasi.

c) Tahap Penguasaan 6 :


2020	Butir	Moses (RM)	Charles (RM)	2020	Butir	Moses (RM)	Charles (RM)
Mac 31	Realisasi	805	805	Mac 31	Baki b/b	24 000	36 000
	Bank	23 195	35 195				
		<u>24 000</u>	<u>36 000</u>			<u>24 000</u>	<u>36 000</u>

d) Tahap Penguasaan 6 :

Akaun Bank					
2020		RM	2020		RM
Mac 31	Baki b/b	3 852	Mac 31	Akaun Belum Bayar	11 000
	Realisasi	62 400		Realisasi	102
	Realisasi	3 240		Modal Moses	23 195
				Modal Charles	35 195
		<u>69 492</u>			<u>69 492</u>

Tahap Penguasaan 2:

1. Lengkapi rajah di bawah ini bagi menerangkan sebab- sebab pembubaran perkongsian.



Tahap Penguasaan 4, 5 dan 6:

2. Tasnim, Maisarah dan Tham merupakan pekongsi bagi Perkongsian TMT. Mereka membahagikan untung atau rugi mengikut nisbah 2:1:1. Pada 31 Mac 2020, mereka bersetuju untuk membubarkan perkongsian mereka. Penyata Kedudukan Kewangan perniagaan pada 31 Mac 2020 adalah seperti berikut.

Perkongsian TMT			
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2020			
	RM		RM
ASET		EKUITI PEMILIK	
Kenderaan	75 000	Modal Tasnim	40 000
Perabot	5 000	Modal Maisarah	20 000
Alatan Pejabat	5 000	Modal Tham	20 000
Inventori	7 330	Akaun Semasa Tasnim	2 750 (Kt)
Akaun Belum Terima	4 560	Akaun Semasa Maisarah	1 220 (Kt)
Bank	2 410	Akaun Semasa Tham	950 (Dt)
		LIABILITI	
		Akaun Belum Bayar	6 280
		Pinjaman	10 000
	<u>99 300</u>		<u>99 300</u>

Perkara berikut telah dipersetujui ketika pembubaran:

- i. Semua wang tunai dimasukkan ke dalam bank.
- ii. Aset- aset dijual pada nilai berikut:

Kenderaan	RM41 000
Inventori	RM5 500
Perabot	RM5 200
- iii. Tasnim telah mengambil alih alatan pejabat dengan harga RM4 400.
- iv. Tham telah mengambil alih salah sebuah kenderaan dengan harga RM30 000.
- v. Baki hutang yang tidak dapat dikutip iaitu sebanyak RM260 dianggap sebagai hutang lapuk.
- vi. Baki Akaun Belum Bayar dijelaskan dengan nilai RM5 998.
- vii. Kos pembubaran berjumlah RM400.
- viii. Baki Akaun Semasa dipindahkan ke Akaun Modal.
- ix. Pekongsi yang mengalami kekurangan modal bersetuju untuk menampung sebarang kekurangan dengan membawa masuk wang simpanan peribadi ke dalam perniagaan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- | | |
|--|-------|
| a) Catatan Jurnal Am untuk merekod pembubaran perniagaan | TP4 |
| b) Akaun Realisasi | TP5&6 |
| c) Akaun Modal (Beruangan) | TP6 |
| d) Akaun Bank | TP6 |

Jawapan

Tahap Penguasaan 2:

1. Sebab- sebab berlaku pembubaran perkongsian

- Berlaku kematian, muflis, atau tidak siuman kepada salah seorang pekongsi.
- Tempoh perjanjian perkongsian telah tamat.
- Tujuan penubuhan perkongsian telah tercapai.
- Arahan mahkamah untuk membubarkan perkongsian.
- Perkongsian ditukarkan ke syarikat berhad.
- Pekongsi bersetuju dan sepakat untuk membubarkan perkongsian.

Tahap Penguasaan 4 : 2(a)

a) Jurnal Am

Tarikh	Butir	Fol	Debit	Kredit
2020 Mac 31	Realisasi Kenderaan Perabot Alatan Pejabat Inventori Akaun Belum Terima (menutup Akaun aset dan memindahkan ke Akaun Realisasi)		RM 96 890	RM 75 000 5 000 5 000 7 330 4 560
Mac 31	Bank Realisasi (merekod penerimaan daripada penjualan aset)		51 700	51 700
Mac 31	Modal Tasnim Realisasi (merekod alatan pejabat diambil alih pekongsi)		4 400	4 400
Mac 31	Modal Tham Realisasi (merekod Kenderaan diambil alih pekongsi)		30 000	30 000
Mac 31	Akaun Belum Bayar Bank Realisasi (merekod pembayaran Akaun Belum Bayar dan menerima diskaun)		6 280	5 998 282
Mac 31	Realisasi Bank (merekod belanja realisasi)		400	400
Mac 31	Modal Tasnim Modal Maisarah Modal Tham Realisasi (merekod untung atau rugi realisasi)		3 304 1 652 1 652	6 608
Mac 31	Bank Modal Tham (merekod pembayaran balik kurangan modal)		12 602	12 602

Tahap Penguasaan 5 & 6 : 2(b)

Akaun Realisasi					
2020	Butir	RM	2020	Butir	RM
Mac 31	Kenderaan	75 000	Mac 31	Bank	51 700
	Perabot	5 000		Bank	4 300
	Alatan Pejabat	5 000		Modal Tasnim	4 400
	Inventori	7 330		Modal Tham	30 000
	Akaun Belum Terima	4 560		Akaun Belum Bayar	282
	Bank	400		(Diskaun Diterima)	
				Modal:	
				Tasnim	3 304
				Maisarah	1 652
				Tham	1 652
		<u>97 290</u>			<u>97 290</u>

Tahap Penguasaan 6 : 2(c)

Akaun Modal									
2020	Butir	Tasnim (RM)	Maisarah (RM)	Tham (RM)	2020	Butir	Tasnim (RM)	Maisarah (RM)	Tham (RM)
Mac 31	Realisasi	4 400	1 652	30 000	Mac 31	Baki b/b	40 000	20 000	20 000
	Realisasi	3 304		1 652		Akaun Semasa	2 750	1 220	
	Akaun Semasa			950		Bank			12 602
	Bank	<u>35 046</u>	<u>19 568</u>						
		42 750	21 220	32 602			42 750	21 220	32 602

Tahap Penguasaan 6 : 2(d)

Akaun Bank					
2020		RM	2020		RM
Mac 31	Baki b/b	2 410	Mac 31	Realisasi	400
	Realisasi	51 700		Pinjaman	10 000
	Realisasi	4 300		Akaun Belum Bayar	5 998
	Modal Tham	12 602		Modal Tasnim	35 046
				Modal Maisarah	19 568
		<u>71 012</u>			<u>71 012</u>

Nota Pengiraan:

- i. Bank: $RM14\ 000 + RM5\ 500 + RM\ 5\ 200 = RM51\ 700$
- ii. Diskaun diterima: $RM6\ 280 - RM5\ 998 = RM282$
- iii. Bank (Akaun Belum Terima): $RM4\ 500 - RM260 = RM4\ 300$
- iv. Rugi Realisasi:
 - Tasnim ($2/4 \times RM6\ 608$) = $RM3\ 304$
 - Maisarah ($1/4 \times RM6\ 608$) = $RM1\ 652$
 - Tham ($1/4 \times RM6\ 608$) = $RM1\ 652$

Sasaran	Pelajar Tingkatan 5
Subjek	Prinsip Perakaunan
Topik/Tema	MODUL 14.0 : PERAKAUNAN UNTUK SYARIKAT BERHAD MENURUT SYER
Nota Berkaitan Topik/tema	Rujuk Lampiran 1 (NOTA)
Standard Kandungan	14.1 Pengenalan kepada Syarikat Berhad Menurut Syer
Standard Pembelajaran	14.1.1 Menerangkan tatacara penubuhan Syarikat Berhad Menurut Syer mengikut Akta Syarikat 2016. 14.1.2 Menyatakan kandungan Perlembangan Syarikat Berhad Menurut Syer. 14.1.3 Membandingkan ciri Syarikat Persendirian dan Syarikat Awam. 14.1.4 Memberikan: (i) contoh Syarikat Persendirian; dan (ii) contoh Syarikat Awam yang tersenarai dalam Bursa Malaysia
Objektif Pembelajaran	Murid dapat : 1.Menerangkan: (i) tatacara penubuhan syarikat mengikut Akta Syarikat 1965 (ii) perbezaan antara Tatawujud dan Tataurus Syarikat 2 Membandingkan ciri Syarikat Sendirian Berhad dan Syarikat Awam Berhad. 3 Memberikan: (i) contoh Syarikat Sendirian Berhad (ii) contoh Syarikat Awam Berhad yang tersenarai dalam Bursa Malaysia
Tempoh Pelaksanaan Aktiviti	1 Jam 30 minit (3 Waktu)

Pentaksiran	Tidak dinyatakan TP dalam DSKP. Cadangan Pentaksiran guru berdasarkan standard pembelajaran PdPR .
Panduan Kerja buat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pelajar merujuk buku teks dan nota yang diberi. (Rujuk Lampiran 1) 2. Murid-murid perlu memahami tajuk tersebut. 3. Murid-murid juga digalakkan untuk membuat rujukan daripada internet / lama web/Video youtube untuk mengukuhkan pengetahuan dan pemahaman murid. <ol style="list-style-type: none"> a. https://www.youtube.com/watch?v=1rVo9e5ISQA&t=408s b. https://www.youtube.com/watch?v=oQbJ9cwUKHA 4. Sekiranya murid-murid menghadapi masalah untuk memahami tajuk tersebut, murid-murid digalakkan untuk mendapatkan bimbingan daripada guru. 5. Setelah memahami tajuk tersebut, murid-murid hendaklah menjawab kesemua soalan Latihan dalam modul yang telah disediakan oleh guru. (Rujuk Lampiran 2) 6. Pelajar menghantar jawapan kepada guru untuk semakan dan guru merekod dalam fail PBD.

Tatacara Penubuhan Syarikat Berhad mengikut Akta Syarikat 2016

Penubuhan sesebuah syarikat telah dinyatakan dengan jelas dalam Akta Syarikat 2016. Di Malaysia, **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** telah menyediakan panduan bagaimana sesebuah syarikat boleh didaftarkan.

Setiap syarikat baharu perlu berdaftar dengan Pendaftar Syarikat menggunakan Portal MyCoLD dengan memberikan maklumat yang berkaitan seperti berikut:

- 1 Membuat carian nama dan permohonan nama
- 2 Menyerah simpan permohonan pemerbadanan syarikat
- 3 Membayar fi pendaftaran
- 4 Menerima Notis Pemerbadanan

Rajah 5.1 Langkah-langkah Penubuhan Syarikat

Perlembagaan Syarikat

Perlembagaan Syarikat merupakan dokumen yang mengikat syarikat, pengarah dan pemegang syer. Syarikat Berhad mempunyai pilihan untuk mewujudkan Perlembagaan Syarikat atau tidak. Sekiranya syarikat memilih untuk tidak mewujudkan Perlembagaan Syarikat, sebarang perselisihan perlu diselesaikan dengan merujuk kepada Akta Syarikat 2016. Perlembagaan suatu syarikat boleh mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan perkara-perkara berikut.

Kandungan Perlembagaan Syarikat
• Tujuan syarikat
• Keupayaan, hak, kuasa atau keistimewaan syarikat jika berbeza dengan peruntukan yang terkandung dalam Akta Syarikat 2016 seperti kuasa dan tanggungjawab Lembaga Pengarah
• Perkara-perkara yang dipertimbangkan oleh Akta ini untuk dimasukkan ke dalam perlembagaan seperti cara pembayaran dividen
• Apa-apa perkara lain yang hendak dimasukkan oleh syarikat ke dalam perlembagaan seperti pengurusan dan pentadbiran syarikat

Rajah 5.2 Kandungan Perlembagaan Syarikat

Perbandingan Ciri-ciri Syarikat Persendirian dan Syarikat Awam

Jadual 5.1 Perbandingan Ciri-ciri Syarikat Persendirian dan Syarikat Awam

Syarikat Persendirian	Ciri-ciri	Syarikat Awam
Minimum seorang dan maksimum 50 orang.	1. Bilangan ahli	Minimum seorang dan maksimum tiada had.
Minimum seorang	2. Bilangan pengarah	Minimum 2 orang
Terbuka kepada individu, persatuan dan entiti perniagaan.	3. Pemilikan syer	Terbuka kepada individu, persatuan dan entiti perniagaan.
Syer tidak boleh dipindah milik tanpa persetujuan daripada pemegang syer yang lain.	4. Pindah milik syer	Syer bebas dipindah milik dan mudah dijual beli melalui broker syer di bursa saham.
Syer tidak boleh disenaraikan atau diurus niaga di Bursa Malaysia.	5. Status syer	Syer boleh disenaraikan dan diniagakan secara bebas di Bursa Malaysia.
Penyata kewangan perlu diedarkan kepada pemegang syer.	6. Laporan kewangan	Penyata kewangan perlu dibentangkan di Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat.

Syarikat Persendirian dan Syarikat Awam

(a) Contoh Syarikat Persendirian

Dikenali dengan melihat pada nama syarikat yang diakhiri dengan perkataan **Sendirian Berhad** atau **Sdn. Bhd.** Contoh Syarikat Persendirian ialah Syarikat Warisan Maju Sdn. Bhd., Syarikat Pelita Ilmu Sdn. Bhd., Syarikat Penerbitan Kreatif Sdn. Bhd. dan Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd.

(b) Contoh Syarikat Awam

Dikenali dengan melihat pada nama syarikat yang diakhiri dengan perkataan **Berhad** atau **Bhd.** Syarikat Awam boleh tersenarai di Bursa Malaysia sekiranya melepasi syarat penyenaiaan seperti kedudukan kewangan yang kukuh. Contoh Syarikat Awam yang tersenarai di Bursa Malaysia ialah Syarikat Proton Berhad, Syarikat Sime Darby Berhad, Syarikat Khazanah Nasional Berhad dan Syarikat Telekom Malaysia Berhad.

LATIHAN PENGUKUHAN (SOALAN SUBJEKTIF) : BAHAGIAN A

Modul 5 Perakaunan Untuk Syarikat Berhad Mengikut Syer [23 Questions]

<https://quizizz.com/admin/quiz/5eeace7edd8177001c3c1241>

LATIHAN PENGUKUHAN (SOALAN SUBJEKTIF) : BAHAGIAN B

Berikut ialah contoh logo-logo syarikat yang terdapat di Malaysia.



a) Yang manakah Syarikat Awam?

b) Bincangkan perbezaan ciri-ciri antara logo nombor 3 dan nombor 4.

Bil.	Ciri-ciri	Petroleum Nasional Berhad	Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd.
1.	Bilangan ahli		
2.	Bilangan Pengarah		
3.	Pemilikan syer		
4.	Pindah milik syer		
5.	Status syer		
6.	Laporan kewangan		

Jawapan :

- (a) Petroleum Nasional Berhad, Permodalan Nasional Berhad
(b) Jadual Perbezaan antara logo nombor 3 dan nombor 4

Ciri-ciri	Petroleum nasional Berhad (Syarikat Sendirian Berhad)	Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn.Bhd (Syarikat Awam Berhad)
1. Bilangan ahli	Minimum 2 orang dan maksimum 50 orang.	Minimum 2 orang dan maksimum tiada had.
2. Pemilikan syer	Terhad kepada individu tertentu.	Terbuka kepada orang ramai.
3. Laporan kewangan	Penyata kewangan tidak perlu didedahkan kepada orang ramai.	Penyata kewangan perlu didedahkan kepada orang awam dalam akhbar.
4. Pindah milik syer	Syer tidak boleh dipindah milik tanpa persetujuan daripada pemegang syer yang lain.	Syer bebas dipindah milik dan mudah dijual beli melalui broker saham di Bursa Saham.
5. Status syer	Syer tidak boleh disenaraikan atau diurus niaga di bursa saham.	Syer boleh disenaraikan dan diniagakan secara bebas di Bursa Saham.

LATIHAN PENGUKUHAN (SOALAN OBJEKTIF) : BAHAGIAN C

1. Antara pernyataan berikut, yang manakah **bukan** ciri-ciri syarikat awam berhad?
 - A Modal terdiri daripada saham yang dipegang oleh pemiliknya
 - B Ditubuhkan sebagai satu badan yang berasingan daripada pemiliknya
 - C Keuntungan diagihkan di antara pemegang saham dalam bentuk dividen
 - D Bilangan pemegang saham adalah di antara 2 hingga 50 orang
2. Antara berikut, pernyataan manakah benar tentang syarikat awam berhad?
 - I Saham disenaraikan di bursa saham
 - II Saham diterbitkan kepada orang ramai
 - III Saham tidak boleh dipindah milik dengan bebas
 - IV Bilangan pemegang saham antara 2 hingga 50 orang
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

3. Antara pernyataan berikut, yang manakah **tidak** terkandung dalam Perlembagaan Syarikat?
- A Cara pembayaran dividen
 - B Tujuan penubuhan syarikat
 - C Prosedur penamatan pekerja
 - D Kuasa dan tanggung jawab lembaga pengarah
4. Pernyataan manakah yang benar tentang ciri syarikat berhad?
- A Entiti berasingan
 - B Hayat tidak berterusan
 - C Liabiliti tidak terhad
 - D Dasar dan hala tuju syarikat ditentukan oleh pemegang syer
5. Pernyataan manakah yang **tidak** berkaitan dengan Syarikat Bekalan Mineral Water Sendirian berhad ?
- A Minimum dua orang pengarah
 - B Pemilik syer terbuka kepada individu, persatuan dan entiti perniagaan
 - C Syer tidak diurus niaga di Bursa Malaysia
 - D Penyata Kewangan perlu diedar kepada pemegang syer
6. Maklumat yang berikut berkaitan dengan sebuah syarikat berhad.

TENAGA NATIONAL BERHAD

Pernyataan manakah yang **tidak** berkaitan dengan Syarikat tersebut ?

- A Minimum seorang dan maksimum 50 ahli
- B Penyata kewangan perlu dibentang di Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat
- C Syer disenaraikan di Bursa Malaysia
- D Minimum dua orang pengarah.

7. Maklumat berikut adalah perbezaan ciri antara Syarikat Sendirian Berhad dengan Syarikat Awam Berhad.

	Ciri	Syarikat Sendirian Berhad	Syarikat Awam Berhad
I	Bilangan ahli	2 – tiada had	1 – 50 orang
II	Pindah milik Saham	Tidak perlu persetujuan pemegang saham yang lain	Perlu persetujuan pemegang saham yang lain
III	Terbitan saham	Terhad kepada individu tertentu	Terbuka kepada orang ramai
IV	Status saham	Tidak disenaraikan di Bursa Malaysia	Disenaraikan di Bursa Malaysia

Perbezaan ciri manakah yang betul?

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

Jawapan : 1. D 2. A 3. C 4. A 5. A 6. A 7. D

Sasaran	Pelajar Tingkatan 5
Subjek	Prinsip Perakaunan
Topik/Tema	MODUL 14.0 : PERAKAUNAN UNTUK SYARIKAT BERHAD MENURUT SYER
Nota Berkaitan Topik/tema	Rujuk Lampiran 1 (NOTA)
Standard Kandungan	14.2 Jenis modal dan terbitan saham
Standard Pembelajaran	<p>14.2.1 Menerangkan:</p> <p>(i) jenis modal syer</p> <p>(ii) ciri Syer Biasa dan Syer Keutamaan bersifat kumulatif</p> <p>14.2.2 Mengira modal diterbitkan dan berbayar penuh</p> <p>14.2.3 Merekod terbitan syer dalam Jurnal Am.</p> <p>14.2.4 Memindahkan catatan daripada Jurnal Am ke lejar.</p> <p>14.2.5 Mengusulkan tindakan sekiranya modal diterbitkan tidak habis dilanggan atau terlebih langganan dalam tempoh yang ditetapkan.</p>
Objektif Pembelajaran	<p>Murid dapat :</p> <p>1.Menerangkan:</p> <p>(i) jenis modal saham</p> <p>(ii) ciri Syer Biasa dan Syer Keutamaan bersifat kumulatif</p> <p>2 Mengira:</p> <p>(i) modal dibenarkan / didaftarkan</p> <p>(ii) modal diterbitkan dan berbayar penuh</p> <p>(iii) modal belum diterbitkan</p> <p>3 Merekod terbitan saham dalam Jurnal Am dan Lejar</p> <p>4 Memindahkan catatan daripada Jurnal Am ke lejar.</p> <p>5 Mengusulkan tindakan sekiranya modal diterbitkan tidak habis dilanggan atau terlebih langganan dalam tempoh yang ditetapkan.</p>
Tempoh Pelaksanaan	2 Jam (4 Waktu)

Aktiviti	
Pentaksiran	<p>TP 1 Menerangkan jenis modal syer, ciri syer biasa dan syer keutamaan bersifat kumulatif.</p> <p>TP 3 Melaksanakan pengiraan modal diterbitkan dan berbayar penuh untuk syer biasa atau syer keutamaan.</p> <p>TP 4 Merekod terbitan syer dalam Jurnal Am dan Lejar.</p> <p>TP6 Mengusulkan tindakan sekiranya modal diterbitkan tidak habis dilanggan atau terlebih langganan dalam tempoh yang ditetapkan</p> <p>Lampiran 2 (Latihan)</p>
Panduan Kerja buat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pelajar merujuk buku teks dan nota yang diberi. (Rujuk Lampiran 1) 2. Murid-murid perlu memahami tajuk tersebut. 3. Murid-murid juga digalakkan untuk membuat rujukan daripada internet / lama web/Video youtube untuk mengukuhkan pengetahuan dan pemahaman murid. <ol style="list-style-type: none"> a. https://youtu.be/OJhEOtiHgUY b. https://youtu.be/Lxy_qPne33g 4. Sekiranya murid-murid menghadapi masalah untuk memahami tajuk tersebut, murid-murid digalakkan untuk mendapatkan bimbingan daripada guru. 5. Setelah memahami tajuk tersebut, murid-murid hendaklah menjawab kesemua soalan Latihan dalam modul yang telah disediakan oleh guru. (Rujuk Lampiran 2) 6. Pelajar menghantar jawapan kepada guru untuk semakan dan guru merekod dalam fail PBD.


14.2 : JENIS MODAL DAN TERBITAN SAHAM

Modal syarikat

- Diperoleh daripada terbitan syer
- Syer yang diterbitkan tidak mempunyai nilai tara. Harga sesyer yang diterbitkan ditentukan oleh Lembaga Pengarah berdasarkan nilai sebenar syarikat
- Harga sesyer boleh berubah bergantung kepada prestasi syarikat
- Orang awam boleh mengakses maklumat penyata perakaunan syarikat di SSM bagi memastikan harga syer yang ditawarkan

14.2 : JENIS MODAL DAN TERBITAN SAHAM

Jenis Modal Syer



14.2 : JENIS MODAL DAN TERBITAN SAHAM

Ciri-ciri Syer Biasa dan Syer Keutamaan Bersifat Kumulatif

Ciri-ciri	Syer Biasa	Syer Keutamaan
Kadar dividen	Tidak tetap	Tetap
Keutamaan pembayaran dividen	Dividen hanya diberikan sekiranya ada lebih daripada keuntungan syarikat setelah dividen Syer Keutamaan dibayar	Menerima dividen terlebih dahulu daripada pemegang Syer Biasa
Hak mengundi	Mempunyai hak mengundi untuk melantik Lembaga Pengarah semasa Mesyuarat Agung Tahunan	Tiada hak mengundi untuk melantik Lembaga Pengarah dalam Mesyuarat Agung Tahunan

14.2 : JENIS MODAL DAN TERBITAN SAHAM

Ciri-ciri Syer Biasa dan Syer Keutamaan Bersifat Kumulatif

Ciri -ciri	Syer Biasa	Syer Keutamaan
Tuntutan atas aset syarikat semasa pembubaran	Tuntutan modal hanya boleh dibuat setelah tuntutan pemegang Syer Keutamaan dan semua liabiliti lain telah diselesaikan	Berhak membuat tuntutan modal sekiranya syarikat dibubarkan
Tunggakan dividen	Tiada tunggakan dividen atau tidak bersifat timbun tambah (kumulatif)	Tunggakan dividen akan dibayar kepada pemegang Syer Keutamaan pada tahun perakaunan yang lain, sekiranya pada tahun semasa syarikat mengalami kerugian

14.2 : JENIS MODAL DAN TERBITAN SAHAM

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh

- Merupakan syer yang ditawarkan kepada orang awam dan telah dibayar penuh
- Syarikat yang baru didaftarkan akan menerbitkan syer untuk memperoleh modal. Syarikat yang sedang beroperasi menerbitkan syer untuk memperoleh modal tambahan
- Tiada had ditetapkan terhadap bilangan syer yang akan diterbitkan

14.2 : JENIS MODAL DAN TERBITAN SAHAM

Rumus mengira Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh

$$\text{Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh} = \text{Bilangan Syer Diterbitkan} \times \text{Harga Sesyer}$$

14.2 : JENIS MODAL DAN TERBITAN SAHAM

Contoh mengira Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh

Syarikat Percetakan Berhad ditubuhkan untuk membekalkan bahan percetakan. Pada 1 Mac 2017, Syarikat Percetakan Berhad menerbitkan 200 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 1 500 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh. Kira Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh bagi Syer Keutamaan dan Syer Biasa.

Penyelesaian

Jenis Syer	Pengiraan
8% Syer Keutamaan	= 200 000 unit x RM2.00 = RM 400 000
Syer Biasa	= 1 500 000 unit x RM1.00 = RM1 500 000
Jumlah Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	<u>RM1 900 000</u>

14.2 : JENIS MODAL DAN TERBITAN SAHAM

Merekod Terbitan Syer dalam Jurnal Am

- Syarikat Awam perlu memperoleh kebenaran daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sebelum menerbitkan syer
- Hebahan kepada orang awam melalui prospektus
- Akaun yang terlibat dalam merekod terbitan syer
 1. Akaun Bank
 2. Akaun Permohonan Syer Biasa / Akaun Permohonan Syer Keutamaan
 3. Akaun Modal Syer Biasa / Akaun Modal Syer Keutamaan

14.2 : JENIS MODAL DAN TERBITAN SAHAM

Merekod Terbitan Syer dalam Jurnal Am

- (i) Apabila syer diterbitkan
 - Dt Akaun Permohonan Syer
 - Kt Akaun Modal Syer
- (ii) Apabila wang diterima dan dibankkan
 - Dt Akaun Bank
 - Kt Akaun Permohonan Syer
- (iii) Apabila berlaku lebihan langganan
 - Dt Akaun Permohonan Syer
 - Kt Akaun Bank

14.2 : JENIS MODAL DAN TERBITAN SAHAM

Merekod Terbitan Syer dalam Jurnal Am

Syarikat Merpati Berhad menawarkan perkhidmatan penghantaran kargo. Pada 2 Mei 2017, syarikat telah menerbitkan 2 000 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 3 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer. Pada 15 Mei 2017, semua syer itu telah dilanggan dan dibayar penuh

Penyelesaian

Jenis Syer	Pengiraan
6% Syer Keutamaan	= 2 000 000 unit x RM1.00 = RM2 000 000
Syer Biasa	= 3 000 000 unit x RM0.50 = RM1 500 000
Jumlah Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	<u>RM3 500 000</u>

14.2 : JENIS MODAL DAN TERBITAN SAHAM

Merekod Terbitan Syer dalam Jurnal Am

Tarikh	Butiran	Debit (RM)	Kredit (RM)
2017 Mei 2	Permohonan 6% Syer Keutamaan Modal 6% Syer Keutamaan (Merekod terbitan 6% Syer Keutamaan)	2 000 000	2 000 000
Mei 2	Permohonan Syer Biasa Modal Syer Biasa (Merekod terbitan Syer Biasa)	1 500 000	1 500 000
Mei 15	Bank Permohonan 6% Syer Keutamaan Permohonan Syer Biasa (Merekod penerimaan wang daripada terbitan 6% Syer Keutamaan dan Syer Biasa)	3 500 000	2 000 000 1 500 000

14.2 : JENIS MODAL DAN TERBITAN SAHAM

Pindah Catatan daripada Jurnal Am ke Lejar

Akaun Permohonan 6% Syer Keutamaan

2017		RM	2017		RM
Mei 2	Modal 6% Syer Keutamaan	2 000 000	Mei 15	Bank	2 000 000

Akaun Modal 6% Syer Keutamaan

2017		RM
Mei 2	Modal 6% Syer Keutamaan	2 000 000

Akaun Permohonan Syer Biasa

2017		RM	2017		RM
Mei 2	Modal Syer Biasa	1 500 000	Mei 15	Bank	1 500 000

14.2 : JENIS MODAL DAN TERBITAN SAHAM

Pindah Catatan daripada Jurnal Am ke Lejar

Akaun Modal Syer Biasa			
		2017	RM
		Mei 2	Modal Syer Biasa 1500 000

Akaun Bank			
2017		RM	
Mei 15	Permohonan 6% Syer Keutamaan	2 000 000	
	Permohonan Syer Biasa	1500 000	

LAMPIRAN : NOTA DAN CARA KERJA

CONTOH 1 Mengira Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh Terbitan Pertama

Syarikat Percetakan Berhad ditubuhkan untuk membekalkan bahan percetakan. Pada 1 Mac 2017, Syarikat Percetakan Berhad menerbitkan 200 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 1 500 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh. Kira Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh bagi Syer Keutamaan dan Syer Biasa.

Penyelesaian

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh = Bilangan Syer Diterbitkan x Harga Sesyer

Jenis Syer	Pengiraan
(a) 8% Syer Keutamaan	= 200 000 unit x RM2.00 = RM 400 000
(b) Syer Biasa	= 1 500 000 unit x RM1.00 = RM1 500 000
Jumlah Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	<u>RM1 900 000</u>

CONTOH 2 Mengira Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh Terbitan Kedua

Berdasarkan **Contoh 1**, pada 31 Mei 2017 Syarikat Percetakan Berhad membuat terbitan syer kali kedua kerana memerlukan modal tambahan. Syarikat telah menerbitkan 300 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 1 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.50 sesyer. Kira Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh pada tarikh tersebut. Tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2017.

Penyelesaian

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh = Bilangan Syer Diterbitkan X Harga Sesyer

Jenis Syer	Pengiraan	
(a) 8% Syer Keutamaan	= 300 000 unit x RM2.00	= RM 600 000
(b) Syer Biasa	= 1 000 000 unit x RM1.50	= RM 1 500 000
Jumlah Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh		<u>RM2 100 000</u>

Oleh itu, Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh bagi Syarikat Bersatu Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

(a) 500 000 unit 8% Syer Keutamaan	= RM400 000 + RM600 000	= RM1 000 000
(b) 2 500 000 unit Syer Biasa	= RM1 500 000 + RM1 500 000	= RM3 000 000
		<u>RM4 000 000</u>

CONTOH 3 Merekod terbitan syer dalam Jurnal Am

Syarikat Melati Berhad menjalankan perniagaan membekalkan cenderamata. Syarikat memerlukan modal untuk mengembangkan perniagaannya. Pada 10 April 2017, Syarikat Melati Berhad telah menerbitkan 4 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer.

Pada 24 April 2017, semua syer itu telah dilanggan dan dibayar penuh.

Hitung Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh dan rekodkan terbitan Syer Biasa dalam Jurnal Am.

Penyelesaian

Modal Diterbitkan dan Modal Berbayar Penuh Syer Biasa

= 4 000 000 unit x RM0.50
= RM2 000 000

Penyelesaian

Merekod terbitan Syer Biasa dalam Jurnal Am

Jurnal Am			
Tarikh	Butiran	Debit (RM)	Kredit (RM)
2017 Apr 10	Permohonan Syer Biasa Modal Syer Biasa (Merekod terbitan Syer Biasa)	2 000 000	2 000 000
Apr 24	Bank Permohonan Syer Biasa (Merekod penerimaan wang daripada terbitan Syer Biasa)	2 000 000	2 000 000

Pindahan Catatan daripada Jurnal Am ke Lejar

CONTOH 4 Memindahkan catatan daripada Jurnal Am ke Lejar

Berdasarkan **Contoh 3**, rekodkan terbitan syer ke dalam akaun berkaitan.

STANDARD PEMBELAJARAN

- Murid boleh:
- Memindahkan catatan daripada Jurnal Am ke lejar.

Penyelesaian

Memindahkan Catatan ke Lejar

Akaun Permohonan Syer Biasa

2017		RM	2017		RM
Apr 10	Modal Syer Biasa	2 000 000	Apr 24	Bank	2 000 000

Akaun Modal Syer Biasa

2017		RM
Apr 10	Permohonan Syer Biasa	2 000 000

Akaun Bank

2017		RM
Apr 24	Permohonan Syer Biasa	2 000 000

CONTOH 5 Merekod terbitan syer (Gabungan jenis syer)

Syarikat Merpati Berhad menawarkan perkhidmatan penghantaran kargo. Pada 2 Mei 2017, syarikat telah menerbitkan 2 000 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 3 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer. Pada 15 Mei 2017, semua syer itu telah dilanggan dan dibayar penuh.

Anda dikehendaki:

- (a) merekod terbitan syer ke dalam Jurnal Am.
- (b) memindahkan catatan dari Jurnal Am ke Lejar.

Penyelesaian**Mengira Terbitan 6% Syer Keutamaan dan Syer Biasa****(i) Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh 6% Syer Keutamaan**

$$\begin{aligned} &= 2\,000\,000 \text{ unit} \times \text{RM}1.00 \\ &= \text{RM}2\,000\,000 \end{aligned}$$

(ii) Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh Syer Biasa

$$\begin{aligned} &= 3\,000\,000 \text{ unit} \times \text{RM}0.50 \\ &= \text{RM}1\,500\,000 \end{aligned}$$

**(a) Merekod terbitan 6% Syer Keutamaan dan Syer Biasa dalam Jurnal Am****Jurnal Am**

Tarikh	Butiran	Debit (RM)	Kredit (RM)
2017 Mei 2	Permohonan 6% Syer Keutamaan Modal 6% Syer Keutamaan (Merekod terbitan 6% Syer Keutamaan)	2 000 000	2 000 000
Mei 2	Permohonan Syer Biasa Modal Syer Biasa (Merekod terbitan Syer Biasa)	1 500 000	1 500 000
Mei 15	Bank Permohonan 6% Syer Keutamaan Permohonan Syer Biasa (Merekod penerimaan wang daripada terbitan 6% Syer Keutamaan dan Syer Biasa)	3 500 000	2 000 000 1 500 000

CONTOH 6 Merekod terbitan syer Terbitan Kedua

Berdasarkan **Contoh 5**, Lembaga Pengarah Syarikat Merpati Berhad memerlukan modal tambahan dengan membuat terbitan syer kali kedua. Pada 3 Ogos 2017, syarikat telah menerbitkan 1 000 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 4 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada tarikh tutup permohonan 17 Ogos 2017.

Anda dikehendaki:

- (a) merekod terbitan syer ke dalam Jurnal Am.
- (b) memindahkan catatan dari Jurnal Am ke Lejar.

Penyelesaian

Mengira Terbitan 8% Syer Keutamaan dan Syer Biasa Terbitan Kedua

(i) Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh 8% Syer Keutamaan

- = 1 000 000 unit X RM1.00
- = RM1 000 000

(ii) Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh Syer Biasa

- = 4 000 000 unit X RM0.50
- = RM2 000 000



Penyelesaian

(a) Merekod terbitan 8% Syer Keutamaan dan Syer Biasa dalam Jurnal Am

Jurnal Am

Tarikh	Butiran	Debit (RM)	Kredit (RM)
2017 Ogos 3	Permohonan 8% Syer Keutamaan Modal 8% Syer Keutamaan (Merekod terbitan 8% Syer Keutamaan)	1 000 000	1 000 000
Ogos 3	Permohonan Syer Biasa Modal Syer Biasa (Merekod terbitan Syer Biasa)	2 000 000	2 000 000
Ogos 17	Bank Permohonan 8% Syer Keutamaan Permohonan Syer Biasa (Merekod penerimaan wang daripada terbitan 8% Syer Keutamaan dan Syer Biasa)	3 000 000	1 000 000 2 000 000

(b) Memindahkan Catatan dari Jurnal Am ke Lejar

Akaun Permohonan 8% Syer Keutamaan

2017		RM	2017	RM
Ogos 3	Modal 8% Syer Keutamaan	1 000 000	Ogos 17	Bank
				1 000 000

Akaun Modal 8% Syer Keutamaan

2017		RM
Ogos 3	Permohonan 8% Syer Keutamaan	1 000 000

Akaun Permohonan Syer Biasa

2017		RM	2017	RM
Mei 2	Modal Syer Biasa	1 500 000	Mei 15	Bank
Ogos 3	Modal Syer Biasa	2 000 000	Ogos 17	Bank
				2 000 000

Akaun Modal Syer Biasa

2017		RM
Mei 2	Permohonan Syer Biasa	1 500 000
Ogos 3	Permohonan Syer Biasa	2 000 000

Akaun Bank

2017		RM
Mei 15	Permohonan 6% Syer Keutamaan	2 000 000
	Permohonan Syer Biasa	1 500 000
Ogos 17	Permohonan 8% Syer Keutamaan	1 000 000
	Permohonan Syer Biasa	2 000 000

CONTOH 7 Merekod kurangan langganan

Pada 1 Mac 2017, Syarikat Melly Berhad telah menerbitkan 1 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer kepada orang awam. Pada tarikh tutup permohonan 15 Mac 2017, jumlah wang yang diterima berjumlah RM800 000. Terdapat kurangan langganan berjumlah RM200 000. Wang kurangan langganan berjumlah RM200 000 ditanggung oleh pihak penaja jamin pada 25 Mac 2017.

Rekodkan terbitan syer dalam Jurnal Am dan Lejar.

Penyelesaian

Mengira terbitan Syer Biasa

Jenis Syer	Pengiraan
Syer Biasa	= 1 000 000 unit x RM1.00 = RM1 000 000

Kurangan langganan = Modal Diterbitkan – Wang diterima
= RM1 000 000 – RM800 000
= RM200 000

Merekod terbitan Syer Biasa ke Jurnal Am

Tarikh	Butiran	Debit (RM)	Kredit (RM)
2017 Mac 1	Permohonan Syer Biasa Modal Syer Biasa (Merekod terbitan Syer Biasa)	1 000 000	1 000 000
Mac 15	Bank Permohonan Syer Biasa (Merekod penerimaan wang daripada terbitan Syer Biasa)	800 000	800 000
Mac 25	Bank Permohonan Syer Biasa (Merekod penerimaan wang kurangan langganan)	200 000	200 000

Memindahkan Catatan ke Lejar**Akaun Permohonan Syer Biasa**

		2017	2017	RM	RM
2017					
Mac 1	Modal Syer Biasa	1 000 000	Mac 15	Bank	800 000
			25	Bank	200 000
		<u>1 000 000</u>			<u>1 000 000</u>

Akaun Modal Syer Biasa

		2017	RM
Mac 1	Permohonan Syer Biasa	1 000 000	

Akaun Bank

		2017	RM
Mac 15	Permohonan Syer Biasa	800 000	
25	Permohonan Syer Biasa	200 000	

Wang kurangan langganan ditanggung oleh pihak penaja jamin.

CONTOH 8 Merekod lebih langganan

Pada 30 Jun 2017, Syarikat Flyway Berhad telah menerbitkan 1 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer kepada orang awam. Pada tarikh tutup permohonan iaitu 17 Julai 2017, jumlah wang yang diterima ialah RM1 200 000. Wang lebih berjumlah RM200 000 tersebut dipulangkan kepada pemohon yang tidak berjaya pada tarikh yang sama.

- (a) **Rekodkan** terbitan syer ke dalam Jurnal Am.
 (b) **Pindahkan** catatan ke Lejar. (Tunjukkan lebih langganan dipulangkan kepada orang awam)

Penyelesaian

Mengira terbitan Syer Biasa

Jenis Syer	Pengiraan
Syer Biasa	= 1 000 000 unit x RM1.00 = RM1 000 000

NOTA



Jika ada lebih langganan, wang akan dipulangkan kepada pemohon yang tidak berjaya.

Lebih permohonan = Wang diterima – Modal Diterbitkan
 = RM1 200 000 – RM1 000 000
 = RM200 000

(a) Merekod terbitan syer dalam Jurnal Am

Tarikh	Butiran	Debit (RM)	Kredit (RM)
2017 Jun 30	Permohonan Syer Biasa Modal Syer Biasa (Merekod terbitan Syer Biasa)	1 000 000	1 000 000
Jul 17	Bank Permohonan Syer Biasa (Merekod penerimaan wang daripada terbitan Syer Biasa)	1 200 000	1 200 000
Jul 17	Permohonan Syer Biasa Bank (Merekod bayaran balik kepada pelanggan)	200 000	200 000

(b) Memindahkan Catatan daripada Jurnal Am ke Lejar

Akaun Permohonan Syer Biasa

2017	RM	2017	RM
Jun 30	Modal Syer Biasa	1 000 000	1 000 000
Jul 17	Bank	200 000	
		<u>1 200 000</u>	<u>1 200 000</u>

Akaun Modal Syer Biasa

2017	RM
Jun 30	Permohonan Syer Biasa
	1 000 000

Akaun Bank

2017	RM	2017	RM
Jul 17	Permohonan Syer Biasa	1 200 000	1 200 000
			200 000

LAMPIRAN : SOALAN DAN SKEMA JAWAPAN

LATIHAN PENGUKUHAN (SOALAN SUBJEKTIF)

1. Berikan dua perbezaan antara Syer Biasa dan Syer Keutamaan.
2. Syarikat Putera Travel Berhad merupakan salah satu agensi pelancongan yang terkenal di Lembah Klang.
Pada 14 April 2017, syarikat telah menerbitkan 200 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 550 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer. Semua syer yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh pada 28 April 2017.

Anda dikehendaki:

- (a) menghitung Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh
- (b) menyediakan catatan jurnal untuk merekodkan terbitan Syer Biasa dan Syer Keutamaan.
- (c) menyediakan akaun berkaitan untuk merekod terbitan syer.

Jawapan: (a) RM475 000

3. Pada 2 Januari 2017, Syarikat Minda Usahawan Berhad telah menerbitkan 1 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer. Pada tarikh tutup permohonan 13 Januari 2017, sebanyak 800 000 unit Syer Biasa telah dilanggan dan dibayar penuh. Sebanyak 200 000 unit syer tidak habis dilanggan pada tarikh tersebut. Bank Saudagar telah menanggung jumlah kurangan langganan tersebut pada 19 Januari 2017.

Anda dikehendaki:

- (a) menyediakan catatan jurnal untuk merekod terbitan Syer Biasa
- (b) menyediakan akaun berkaitan untuk merekod terbitan Syer Biasa

Jawapan: (a) Modal Syer Biasa RM800 000, RM200 000

TP 1 Menerangkan jenis modal syer, ciri syer biasa dan syer keutamaan bersifat kumulatif.

LATIHAN PENGUKUHAN SUBJEKTIF

Soalan 1

Jadual perbezaan syer biasa dan syer keutamaan

Ciri-ciri	Syer Biasa	Syer Keutamaan bersifat kumulatif
1. Kadar dividen	Tidak tetap bergantung kepada keuntungan syarikat.	Tetap.
2. Pembayaran dividen	Diterima selepas pembayaran kepada pemegang saham keutamaan.	Dibayar dahulu sebelum pemegang syer biasa.
3. Hak mengundi dan mengawal syarikat	Mempunyai hak mengundi dan berpeluang mengawal syarikat.	Tiada hak mengundi dan tidak berpeluang mengawal syarikat.
4. Tuntutan atas aset syarikat jika syarikat dibubarkan	Tuntutan boleh dibuat selepas tuntutan pemegang syer keutamaan.	Diberi keutamaan sebelum tuntutan pemegang syer biasa.
5. Tunggakan dividen	Pemegang syer biasa tidak berhak ke atas dividen tahun-tahun lepas yang tidak dibayar oleh syarikat.	Pemegang syer keutamaan berhak menerima dividen tertunggak.

TP 3 Melaksanakan pengiraan modal diterbitkan dan berbayar penuh untuk syer biasa atau syer keutamaan

Soalan 2

(a) *Modal diterbitkan = Bilangan syer diterbitkan x Nilai tara*

Jenis saham	Pengiraan
(a) Syer biasa	= 550 000 unit x RM0.50 = RM275 000
(b) Syer keutamaan	= 200 000 unit x RM1.00 = RM 200 000
Jumlah modal diterbitkan	<u>RM475 000</u>

TP 4 Merekod terbitan syer dalam Jurnal Am dan Lejar.

(b) Merekod terbitan syer ke Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
2017 Apr 22	Akaun permohonan Syer Keutamaan Akaun Modal Syer Keutamaan (merekod terbitan syer keutamaan)	200 000	200 000
	Akaun Permohonan Syer Biasa Akaun Modal Syer Biasa (merekod terbitan syer biasa)	275 000	275 000
Apr 22	Akaun Bank Akaun Permohonan Syer Keutamaan Akaun Permohonan Syer Biasa (merekod penerimaan wang daripada terbitan syer)	475 000	200 000 275 0

(c) Memindahkan catatan dari Jurnal Am ke Lejar

Dt				Akaun Permohonan Syer Keutamaan				Kt							
2017				RM				2017				RM			
Dis 31	Modal Syer Keutamaan	200 000		Dis 31	Bank		200 000				200 000				
Dt				Akaun Modal Syer Keutamaan				Kt							
				2017				RM							
				Dis 31				Permohonan Modal Syer Keutamaan				200 000			
Dt				Akaun Permohonan Syer Biasa				Kt							
2017				RM				2017				RM			
Dis 31	Modal Syer Biasa	275 000		Dis 31	Bank		275 000				275 000				
Dt				Akaun Modal Saham Biasa				Kt							
				2017				RM							
				Dis 31				Permohonan Modal Saham Biasa				275 000			

Dt	Akaun Bank		Kt
2017		RM	
Dis 31	Permohonan Modal Syer Keutamaan	200 000	
	Permohonan Modal Syer Biasa	275 000	

TP 4 Merekod terbitan syer dalam Jurnal Am dan Lejar.

TP6 Mengusulkan tindakan sekiranya modal diterbitkan tidak habis dilanggan atau terlebih langganan dalam tempoh yang ditetapkan.

Soalan 3

(a) Merekod terbitan Syer Biasa ke Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
2017 Jan 2	Permohonan Syer Biasa Modal Syer Biasa (merekod terbitan syer biasa)	1 000 000	1 000 000
Jan 13	Bank Permohonan Syer Biasa (merekod penerimaan wang daripada terbitan syer biasa)	800 000	800 000
Jan 19	Bank Permohonan Syer Biasa (merekod penerimaan wang kekurangan langganan)	200 000	200 000

(b) Memindahkan catatan dari Jurnal Am ke Lejar

Dt		Akaun Permohonan Syer Biasa		Kt	
2017		RM		2017	RM
Jan 2	Modal Syer Biasa	800 000		Jan 13	Bank
				19	Bank
		<u>1 000 000</u>			<u>1 000 000</u>

Dt		Akaun Modal Syer Biasa		Kt	
				2017	RM
				Jan 2	Permohonan Modal Syer Biasa
					800 000

Dt		Akaun Bank		Kt	
2017		RM			
Jan 13	Permohonan Modal Syer Biasa	800 000			
19	Permohonan Syer Biasa	200 000			

Sasaran	Pelajar Tingkatan 5
Subjek	Prinsip Perakaunan
Topik/Tema	MODUL 14.0 : PERAKAUNAN UNTUK SYARIKAT BERHAD MENURUT SYER
Nota Berkaitan	Rujuk Buku Teks muka surat 175-176
Topik/tema	Rujuk Lampiran 1 (NOTA)
Standard Kandungan	14.3 Ekuiti Pemilik Syarikat Berhad
Standard Pembelajaran	14.3.1 Menunjukkan komponen Ekuiti Pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan. 14.3.2 Membezakan komponen Ekuiti Pemilik bagi Syarikat, Perkongsian dan Milikan Tunggal
Objektif Pembelajaran	Murid dapat : 1. Menunjukkan komponen Ekuiti Pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan. 2. Membezakan komponen Ekuiti Pemilik bagi Syarikat, Perkongsian dan Milikan Tunggal
Tempoh Pelaksanaan Aktiviti	2 waktu (1 jam)
Pentaksiran	TP 6. Menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan dengan menunjukkan komponen Ekuiti Pemilik.
Panduan Kerja buat	1. Pelajar merujuk buku teks (ms 175-176) dan nota yang diberi. (Rujuk Lampiran 1) 2. Setelah murid memahami ,murid diberi satu soalan oleg guru untuk melengkapkan bahagian Ekuiti Pemilik Syarikat berhad berdasarkan maklumat soalan. 3. Murid-murid juga digalakkan untuk membuat rujukan daripada internet / lama web untuk mengukuhkan pengetahuan dan pemahaman murid. 4. Sekiranya murid-murid menghadapi masalah untuk memahami tajuk tersebut, murid-murid digalakkan untuk mendapatkan bimbingan daripada guru.

	<ol style="list-style-type: none">5. Setelah memahami tajuk tersebut, murid-murid hendaklah menjawab kesemua soalan Latihan dalam modul yang telah disediakan oleh guru. (Rujuk Lampiran 2)6. Pelajar menghantar jawapan kepada guru untuk semakan dan guru merekod dalam fail PBD.
--	--

5.3 EKUITI PEMILIK SYARIKAT BERHAD MENURUT SYER

1. Penyediaan **Penyata Kedudukan Kewangan** bagi **syarikat berhad** bertujuan untuk memberikan gambaran yang sebenar dan saksama mengenai sesebuah syarikat.
2. Penyediaan Penyata Kedudukan Kewangan tertakluk kepada **syarat** dan **peraturan** yang terkandung dalam **Akta Syarikat 2016**.
3. Butiran yang harus dipersembahkan dalam bahagian ekuiti pemilik penyata kedudukan kewangan syarikat berhad ialah **modal diterbitkan dan berbayar penuh** yang terdiri daripada jenis syer dan kadar dividen syer keutamaan.
4. Harga sesyer bagi setiap unit syer **tidak** ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan syarikat berhad.
5. Bahagian Ekuiti pemilik di dalam Penyata kedudukan Kewangan ditunjukkan seperti berikut:

Syarikat Merpati Berhad
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017

Ekuiti Pemilik	RM
Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	
2 000 000 unit 6% Syer Keutamaan	2 000 000
1 000 000 unit 5% Syer Keutamaan	1 000 000
3 000 000 unit Syer Biasa	1 500 000
	4 500 000

Perbezaan Komponen Ekuiti Pemilik bagi Syarikat Berhad, Perkongsian dan Milikan Tunggal

Contoh Komponen Ekuiti Pemilik Bagi Perniagaan Syarikat		
Syarikat Danon Berhad		
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017		
Ekuiti Pemilik		RM
Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh		
2 000 000 unit 6% Syer Keutamaan		2 000 000
3 000 000 unit Syer Biasa		1 500 000
		<u>3 500 000</u>
Contoh Komponen Ekuiti Pemilik bagi Perniagaan Perkongsian		
Perkongsian MKH		
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017		
Ekuiti Pemilik	RM	RM
Akaun Modal Abu	30 000	
Akaun Modal Bakar	<u>20 000</u>	50 000
Akaun Semasa Abu	4 200	
Akaun Semasa Bakar	<u>3 800</u>	8 000
		<u>58 000</u>
Contoh Komponen Ekuiti Pemilik bagi Perniagaan Milikan Tunggal		
Kedai Runcit Unimart		
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017		
Ekuiti Pemilik		RM
Dibiayai oleh:		
Modal Awal		40 000
<i>Tambah:</i> Untung Bersih		3 000
		<u>43 000</u>
<i>Tolak:</i> Ambilan		(4 200)
Modal Akhir		<u>38 800</u>

LATIHAN PENGUKUHAN (SOALAN OBJEKTIF) : BAHAGIAN A

1. Antara berikut, manakah yang *tidak* ditunjukkan dalam bahagian ekuiti pemilik Penyata Kedudukan Kewangan syarikat berhad?

V Jenis syer

VI Harga syer

VII Bilangan syer

VIII Jumlah dividen syer keutamaan

D I dan II

E I dan III

F II dan IV

D III dan IV

[TP 6]

Soalan 2 hingga 4 berdasarkan maklumat yang berkaitan dengan modal SUNRISE BERHAD

[TP 6]

Harga sesyer syer keutamaan ialah RM2.00

Harga sesyer syer biasa ialah RM1.00

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020

<u>EKUITI PEMILIK</u>	RM
Y	
3 000 000 unit 5% syer keutamaan	
1 5000 000 unti syer biasa	

2. Apakah Y?

A Modal syarikat berhad

B Modal diterbitkan dan berbayar penuh

C Modal berbayar

D Jumlah modal

3. Berapakah nilai modal berbayar?

A RM 10 500 000

B RM 18 000 000

C RM 7 500 000

D RM 3 000 000

4. Berapakah modal diterbitkan dan dibayar penuh bagi syer keutamaan?

- A RM 6 000 000
- B RM 300 000
- C RM 1 500 000
- D RM 7 500 000

5. Apakah jenis modal yang ditunjukkan di bahagian ekuiti pemilik Penyata Kedudukan Kewangan syarikat berhad?

- A Modal awal
- B Modal kerja
- C Modal tambahan
- D Modal diterbitkan dan dibayar penuh

[TP 6]

Jawapan : 1. C 2. B 3. C 4. A 5. D

LATIHAN PENGUKUHAN (SOALAN OBJEKTIF) : BAHAGIAN B

Syarikat Khidmat Jasa Berhad menawarkan perkhidmatan kawalan keselamatan. Pada 20 Januari 2017, syarikat telah menerbitkan 500 000 unit Syer Keutamaan 8% pada harga RM1.00 dan 2 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 kepada orang awam. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada 6 Februari 2017.

Perkongsian Ravi dan Muthu ditubuhkan pada 2 Januari 2017. Pada 31 Disember 2017, modal Ravi dan Muthu menunjukkan baki RM20 000 dan RM30 000 masing-masing. Manakala baki Akaun Semasa Ravi dan Muthu masing-masing ialah RM1 500 dan RM3 200.

Anda dikehendaki membandingkan komponen Ekuiti Pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat Khidmat Jasa Berhad dengan Perkongsian Ravi dan Muthu pada 31 Disember 2017.

[TP 6]

Jawapan :

Syarikat Khidmat Jasa Berhad
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017

<u>EKUITI PEMILIK</u>	RM
Modal diterbitkan dan dibayar penuh	
500 000 unit 8% syer keutamaan	500 000
2 000 000 unti syer biasa	1 000 000
	<u>1 500 000</u>

Perkongsian Ravi dan Muthu
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017

<u>EKUITI PEMILIK</u>	RM	RM
Akaun Modal		
Ravi	20 000	
Muthu	30 000	50 000
	<u>50 000</u>	
Akaun Semasa		
Ravi	1 500	
Muthu	3 200	4 700
	<u>4 700</u>	<u>54 700</u>

Sasaran	Pelajar Tingkatan 5
Subjek	Prinsip Perakaunan
Topik/Tema	MODUL 14.0 : PERAKAUNAN UNTUK SYARIKAT BERHAD MENURUT SYER
Nota Berkaitan Topik/tema	Rujuk Lampiran 1 (NOTA)
Standard Kandungan	14.4 Dividen Tunai
Standard Pembelajaran	14.4.1 Menerangkan maksud dividen tunai. 14.4.2 Menjelaskan jenis dividen tunai. 14.4.3 Mengira : (i) dividen interim dan dividen akhir (ii) dividen saham keutamaan dan saham biasa bagi beberapa tahun kewangan. 14.4.4 Membincangkan sebab berlakunya dividen tertunggak. 14.4.5 Merumuskan hak pemegang saham keutamaan bersifat kumulatif terhadap dividen tertunggak.
Objektif Pembelajaran	Murid dapat : 1.Menerangkan: (i) maksud dividen tunai. (ii) jenis dividen tunai. 2 Mengira: (i) dividen interim dan dividen akhir (ii) dividen saham keutamaan dan saham biasa bagi beberapatahun kewangan. 3 Merumuskan: (i) sebab berlakunya dividen tertunggak. (ii) hak pemegang saham keutamaan bersifat kumulatif terhadap dividen tertunggak.
Tempoh Pelaksanaan Aktiviti	2 Jam (4 Waktu)
Pentaksiran	TP 2 : Menjelaskan jenis dividen. TP 3 : Melaksanakan pengiraan dividen interim dan dividen akhir. TP 5 : Membincangkan sebab berlakunya dividen tertunggak dan

	<p>menilai tunggakan dividen bagi pemegang saham keutamaan bersifat kumulatif.</p> <p>Lampiran 2 (Latihan)</p>
<p>Panduan Kerja buat</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pelajar merujuk buku teks dan nota yang diberi. (Rujuk Lampiran 1) 2. Murid-murid perlu memahami tajuk tersebut. 3. Murid-murid juga digalakkan untuk membuat rujukan daripada internet / lama web/Video youtube untuk mengukuhkan pengetahuan dan pemahaman murid. <ol style="list-style-type: none"> a. https://youtu.be/7Oyws-WT1_c b. https://youtu.be/JV_x69dKwuE 4. Sekiranya murid-murid menghadapi masalah untuk memahami tajuk tersebut, murid-murid digalakkan untuk mendapatkan bimbingan daripada guru. 5. Setelah memahami tajuk tersebut, murid-murid hendaklah menjawab kesemua soalan Latihan dalam modul yang telah disediakan oleh guru. (Rujuk Lampiran 2) 6. Pelajar menghantar jawapan kepada guru untuk semakan dan guru merekod dalam fail PBD.

MENJELASKAN JENIS DIVIDEN

5.4 DIVIDEN TUNAI

Dividen

- Sebahagian keuntungan yang dibayar oleh syarikat kepada para pemegang syer.
- Kadar dividen dikira dalam bentuk peratus atas Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh atau nilai dividen sesyer.
- Jumlah dividen bergantung kepada keuntungan yang diperolehi dan cadangan daripada lembaga pengarah syarikat.

Maksud dividen tunai

- Keuntungan yang diagihkan kepada pemegang syer dalam dua kaedah, iaitu mengikut peratus atas nilai sesyer atau sen sesyer.
- Dibayar ke atas Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh.


Jenis dividen tunai

Dividen tunai terbahagi kepada dua, iaitu Dividen Interim dan Dividen Akhir.



Rajah 5.5 Jenis Dividen Tunai

Jenis dividen	Ciri-ciri
Dividen Interim	<ul style="list-style-type: none"> • Dividen yang dibayar sebelum keuntungan sebenar diketahui. • Pembayaran dibuat sebelum tempoh perakaunan berakhir.
Dividen Akhir	<ul style="list-style-type: none"> • Diisytiharkan selepas keuntungan sebenar diketahui. • Pembayaran dibuat selepas tempoh perakaunan berakhir.



- Dividen Interim akan dibayar sebelum 31 Disember 2016 (sebelum tempoh perakaunan berakhir).
- Dividen Akhir akan dibayar selepas 31 Disember 2016 (selepas tempoh perakaunan berakhir).

Pengiraan Dividen Interim dan Dividen Akhir

Rumus mengira dividen adalah seperti di bawah:

$$\begin{aligned}
 \text{Dividen Syer Keutamaan} &= \text{Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh Syer Keutamaan} \times \text{Peratus Dividen yang Ditetapkan} \times \text{Tempoh} \\
 \text{Dividen Syer Biasa} &= \text{Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh Syer Biasa} \times \text{Peratus Dividen yang Diisytiharkan} \\
 &\text{atau} \\
 &\text{Bilangan Unit Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh Syer Biasa} \times \text{Nilai Dividen Sesyer}
 \end{aligned}$$

MELAKSANAKAN PENGIRAAN DIVIDEN INTERIM DAN DIVIDEN AKHIR

CONTOH 9 Mengira dividen interim

Syarikat Berjaya Berhad merupakan sebuah syarikat yang sedang berkembang maju dalam perniagaan hartanah.

Pada 16 Januari 2017, syarikat telah menerbitkan 2 000 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 3 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer kepada orang awam. Semua syer itu telah dilanggan dan dibayar penuh pada tarikh tutup permohonan 31 Januari 2017. Tempoh perakaunan syarikat berakhir 31 Disember setiap tahun.

Pada 31 Julai 2017, syarikat telah memutuskan untuk membayar Dividen Interim:

- 6% Syer Keutamaan bagi tempoh enam bulan pertama.
- Syer Biasa pada kadar 3%.

Anda dikehendaki menghitung Dividen Interim.

NOTA

Pengiraan dividen Syer Keutamaan perlu mengambil kira tempoh pegangan syer bagi tahun tersebut.

Penyelesaian

Jenis Syer	Pengiraan Dividen Interim
(a) 6% Syer Keutamaan	$= (2\,000\,000 \text{ unit syer} \times \text{RM}1.00 \text{ sesyer}) \times 6\% \times \frac{6}{12}$ $= \text{RM}60\,000$
(b) Syer Biasa	$= (3\,000\,000 \text{ unit syer} \times \text{RM}0.50 \text{ sesyer}) \times 3\%$ $= \text{RM}45\,000$

CONTOH 10 Mengira dividen akhir

Berdasarkan **Contoh 9**, pada 31 Disember 2017 lembaga pengarah syarikat telah memutuskan pembayaran

- Dividen Akhir kepada 6% Syer Keutamaan.
- Dividen Akhir pada kadar 5% kepada pemegang Syer Biasa.

Anda dikehendaki menghitung Dividen Akhir.

Penyelesaian

Jenis Syer	Pengiraan Dividen Akhir
(a) 6% Syer Keutamaan	$= \text{RM}2\,000\,000 \text{ unit syer} \times 6\% \times \frac{5}{12}$ $= \text{RM}50\,000$
(b) Syer Biasa	$= \text{RM}1\,500\,000 \times 5\%$ $= \text{RM}75\,000$

NOTA

Pengiraan dividen syer berasaskan:

- Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh
- Kadar dividen syer (%)

Mengira Dividen Syer bagi Beberapa Tahun

CONTOH 11 Mengira dividen syer bagi beberapa tahun

Pada 2 Januari 2014, Modal Syer Syarikat Labis Berhad adalah seperti berikut.

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh:

2 000 000 unit 10% Syer Keutamaan RM2 000 000
3 000 000 unit Syer Biasa RM3 000 000

Keuntungan syarikat bagi lima tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Keuntungan (RM)
2014	260 000
2015	800 000
2016	200 000
2017	-
2018	430 000

Andaikan semua keuntungan dibahagikan sebagai dividen kepada pemegang syer mengikut keutamaannya.

Anda dikehendaki mengira pembayaran Dividen 10% Syer Keutamaan dan Syer Biasa.

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Mengira dividen Syer Keutamaan dan Syer Biasa bagi beberapa tahun kewangan.
- Membincangkan sebab berlakunya dividen tertunggak.

Penyelesaian

Pengiraan pembayaran dividen 10% Syer Keutamaan = $RM2\,000\,000 \times 10\% \times \frac{12}{12}$
= RM200 000

Tahun	Keuntungan	Pembayaran Dividen 10% Syer Keutamaan	Pembayaran Dividen Syer Biasa
	RM	RM	RM
2014	260 000	200 000	60 000 ¹
2015	800 000	200 000	600 000
2016	200 000	200 000	0
2017	-	0	0
2018	430 000	400 000 ²	30 000

Nota:

1. RM260 000 – RM200 000
2. RM200 000 + RM200 000

MEMBINCANGKAN SEBAB BERLAKUNYA DIVIDEN TERTUNGGAK DAN MENILAI TUNGGAKAN DIVIDEN BAGI PEMEGANG SAHAM KEUTAMAAN BERSIFAT KUMULATIF.

Sebab Berlakunya Dividen Tertunggak

Pembayaran dividen bergantung kepada jumlah keuntungan syarikat dan kelulusan oleh Lembaga Pengarah. Pemegang Syer Keutamaan bersifat kumulatif diberi keutamaan menerima dividen berbanding pemegang Syer Biasa. Hal ini kerana kadar dividen Syer Keutamaan bersifat tetap.

Namun, prestasi syarikat yang tidak memuaskan menyebabkan keuntungan diperoleh tidak mencukupi untuk membayar dividen kepada pemegang Syer Keutamaan. Jumlah dividen ini menjadi tertunggak dan perlu dilunaskan pada tempoh perakaunan yang berikutnya apabila keuntungan syarikat mencukupi.

Hak Pemegang Syer Keutamaan Bersifat Kumulatif terhadap Dividen Tertunggak

- Telah diketahui sebelumnya, pemegang Syer Keutamaan berhak menerima dividen tertunggak.
- Merujuk jadual di **Contoh 11**, kita dapati dividen Syer Keutamaan yang tertunggak bagi tahun sebelumnya akan dibayar pada tahun keuntungan diperoleh.

Tahun	Keuntungan RM	Pembayaran Dividen 10% Syer Keutamaan RM	Pembayaran Dividen Syer Biasa RM
2014	260 000	200 000	60 000
2015	800 000	200 000	600 000
2016	200 000	200 000	0
2017	-	0 ¹	0
2018	430 000	400 000 ²	30 000

1. Dividen pada tahun 2017 tidak dapat dibayar kerana syarikat mengalami kerugian.

2. Oleh sebab dividen Syer Keutamaan bersifat kumulatif, dividen tertunggak RM200 000 untuk tahun 2017 akan dibayar pada tahun 2018.

(TP2)

1. Terangkan maksud dividen tunai.
2. Nyatakan jenis dividen tunai.
3. Jelaskan ciri-ciri dividen interim dan dividen akhir.

Jawapan :

1. Maksud dividen tunai.

Keuntungan yang diagihkan kepada pemegang syer dalam dua kaedah, iaitu mengikut peratus atas nilai sesyer atau sen sesyer. Dividen tunai dibayar ke atas Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh.

2. Jenis dividen tunai

Dividen interim dan dividen akhir.

3. Ciri-ciri Dividen Interim dan Dividen Akhir

Jenis Dividen	Ciri-ciri
Dividen Interim	<ul style="list-style-type: none">• Dividen yang dibayar sebelum keuntungan sebenar diketahui.• Pembayaran dibuat sebelum tempoh perakaunan berakhir.
Dividen Akhir	<ul style="list-style-type: none">• Diisytiharkan selepas keuntungan sebenar diketahui.• Pembayaran dibuat selepas tempoh perakaunan berakhir.

SOALAN OBJEKTIF

JAWAB

1. Apakah yang dimaksudkan dengan dividen interim?
 - A Pembayaran dividen dibuat sebelum tempoh perakaunan berakhir
 - B Pembayaran dividen dibuat selepas tempoh perakaunan berakhir
 - C Diisytiharkan selepas keuntungan sebenar diketahui
 - D Dividen yang dibayar kepada pemegang syer biasa.
2. Maklumat yang berikut berkaitan syer yang dibeli oleh Cik Nadia.

Pada 21 Januari 20X7, Cik Nadia telah membeli 15 000 unit 6% syer keutamaan RM2 sesyer. Pada 31 Julai 20X4, lembaga pengarah telah memutuskan untuk membayar dividen interim 6% syer keutamaan bagi tempoh enam bulan pertama.

Berapakah dividen interim Cik Nadia?

- | | |
|-----------|-----------|
| A RM1 800 | C RM900 |
| B RM600 | D RM2 400 |
3. Berdasarkan maklumat dalam soalan 2, pada 31 Disember 20X7, lembaga pengarah syarikat telah memutuskan untuk pembayaran dividen akhir kepada 6% syer keutamaan. Berapakah dividen akhir syer keutamaan?

A RM900	C RM1 000
B RM750	D RM650
 4. Maklumat yang berikut berkaitan syer yang dibeli oleh Encik Aniq.

Pada 1 Januari 20X6, Encik Aniq telah membeli 8 000 unit 7% syer keutamaan RM2 sesaham. Pada 1 Julai 20X6, lembaga pengarah telah membayar dividen interim 7% syer keutamaan bagi tempoh enam bulan pertama.

Berapakah dividen akhir?

- | |
|-----------|
| A RM560 |
| B RM640 |
| C RM1 120 |
| D RM4 800 |
5. Apakah istilah yang diberikan kepada dividen yang dibayar selepas keuntungan sebenar syarikat diketahui?
 - A Dividen akhir
 - B Dividen interim
 - C Dividen syer biasa
 - D Dividen syer keutamaan

JAWAPAN: 1.A (TP2) 2.C (TP3) 3.B (TP3) 4.A (TP3) 5.A (TP2)

SOALAN SUBJEKTIF (TP3 & TP5 dan TP6)

Syarikat Perpatih Impiana Berhad ialah sebuah perniagaan yang menawarkan khidmat nasihat berkaitan hiasan dalaman kediaman. Modal syarikat pada 1 Januari 2014 adalah seperti berikut:

Modal diterbitkan dan dibayar penuh
 300 000 unit 6% Syer Keutamaan RM600 000
 800 000 unit Syer Biasa RM800 000

Bahagian keuntungan syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 sehingga 2017 yang digunakan untuk pembayaran Dividen Akhir adalah seperti berikut:

Tahun	Keuntungan
RM	RM
2014	40 000
2015	32 000
2016	48 000
2017	60 000

Anda dikehendaki:

- mengira Dividen Akhir yang diterima oleh pemegang 6% Syer Keutamaan dan pemegang Syer Biasa bagi tahun 2014 hingga 2017.
- menunjukkan bahagian Ekuiti Pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017.
- menerangkan kesan dividen tertunggak kepada pemegang Syer Keutamaan dan pemegang Syer Biasa.

JAWAPAN :

(a)

Tahun	Keuntungan RM	Dividen pemegang 6% Syer Keutamaan	Tunggakan Dividen pemegang 6% Syer Keutamaan	Dividen pemegang Syer Biasa
2014	40,000	$RM600,000 \times 6\%$ $= RM36,000$	-	$RM40,000 - RM36,000$ $= RM4,000$
2015	32,000	RM32,000	$RM36,000 - RM32,000$ $= RM4,000$	0
2016	48,000	$RM600,000 \times 6\%$ $= RM36,000$ $RM36,000 + RM4,000$ $= RM40,000$	-	$RM48,000 - RM40,000$ $= RM8,000$
2017	60,000	$RM600,000 \times 6\%$ $= RM36,000$	-	$RM60,000 - RM36,000$ $= RM24,000$

(b)

Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2017		
	Ekuiti Pemilik	
	Modal diterbitkan dan dibayar penuh	RM
	300,000 unit 6% Syer Keutamaan	600,000
	800,000 unit Syer Biasa	800,000

(c) (i) Kesan dividen tertunggak kepada pemegang Saham Keutamaan bersifat kumulatif :
Pemegang Saham Keutamaan bersifat kumulatif yang diberi keutamaan pembayaran dividen akan mempunyai jaminan untuk memperolehi hasil dividen yang tetap 6% walaupun syarikat menghadapi kerugian pada tahun semasa kerana tunggakan dividen akan dibayar pada tahun keuntungan diperolehi. Hal ini kerana kadar dividen Syer Keutamaan bersifat tetap.

(ii) Kesan dividen tertunggak kepada pemegang Saham Biasa :
Pemegang Saham Biasa hanya akan mendapat dividen setelah dividen Syer Keutamaan diagihkan. Oleh itu, pemegang Syer Biasa adalah bergantung kepada lebihan keuntungan syarikat selepas pengagihan dividen kepada pemegang Syer Keutamaan. Tiada tunggakan dividen diberikan kepada pemegang Saham Biasa.

LATIHAN PENGUKUHAN

SOALAN 1 (TP3 & TP5)

SOALAN 2 (TP3 & TP5)

JAWAB

1. Pada Disember 20X5, Syarikat Sunshine Berhad mempunyai modal diterbitkan yang terdiri daripada 800 000 unit 5% syer keutamaan bernilai RM2.00 sesyer dan 4 000 000 unit syer biasa bernilai RM1.00 sesyer.

Pada akhir tahun kewangan, syarikat tersebut telah mengisytiharkan untung yang akan diagih kepada pemegang syer seperti yang berikut.

Tahun	Keuntungan diagihkan RM	Dividen Syer Biasa RM	Dividen Syer Keutamaan RM
20X5	85 500		
20X6	68 000		
20X7	92 000		
20X8	126 000		

Anda dikehendaki menghitung dividen syer biasa dan syer keutamaan bagi tahun 20X5 hingga tahun 20X8 dengan melengkapkan jadual di atas.

2. Pada 15 Januari 20X1, Syarikat Gemilang Berhad telah menerbitkan 600 000 unit 4% syer keutamaan bernilai RM2.00 sesyer dan 3 000 000 unit syer biasa bernilai RM0.50 sesyer. Pada 31 Januari 20X1, semua syer yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh.

Pada akhir tahun kewangan, syarikat tersebut telah mengisytiharkan untung yang akan diagih kepada pemegang syer seperti yang berikut.

Hitung dividen syer biasa dan syer keutamaan bagi tahun 20X1 hingga tahun 20X4 dengan melengkapkan jadual di bawah ini.

Tahun	Keuntungan Diagihkan RM	Dividen Syer Biasa RM	Dividen Syer Keutamaan RM
20X1	50 000		
20X2	48 000		
20X3	40 000		
20X4	80 000		

JAWAPAN:

1.

Tahun	Keuntungan RM	Dividen Syer Biasa RM	Dividen Syer Keutamaan RM	Tunggakan Dividen Syer Keutamaan RM
20X5	85,500	RM85,500 – RM80,000 = RM5,500	800,000 unit x RM2 x 5% x 12/12 = RM80,000	-
20X6	68,000	-	RM68,000	RM80,000 – RM68,000 = RM12,000
20X7	92,000	-	RM80,000 + RM12,000 = RM92,000	-
20X8	126,000	RM126,000 – RM80,000 = RM46,000	800,000 unit x RM2 x 5% x 12/12 = RM80,000	-

2.

Tahun	Keuntungan RM	Dividen Syer Biasa RM	Dividen Syer Keutamaan RM	Tunggakan Dividen Syer Keutamaan RM
20X1	50,000	RM50,000 – RM44,000 = RM6,000	600,000 unit x RM2 x 4% x 11/12 = RM44,000	-
20X2	48,000	-	600,000 unit x RM2 x 4% x 12/12 = RM48,000	-
20X3	40,000	-	RM40,000	RM48,000 – RM40,000 = RM8,000
20X4	80,000	RM80,000 – RM56,000 = RM24,000	RM48,000 + RM8,000 = RM56,000	-

Soalan 3(TP3, TP5)

Pada 2 Mac 2018, modal syer Syarikat Susah Senang Berhad adalah seperti berikut :

Modal diterbitkan dan berbayar penuh :

1 500 000 unit 8% syer keutamaan RM3 000 000
2 000 000 unit syer biasa RM2 000 000

Keuntungan syarikat bagi lima tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Keuntungan (RM)
2014	350 000
2015	900 000
2016	-
2017	-
2018	720 000

Anda dikehendaki menghitung dividen 8% syer keutamaan dan syer biasa.

Jawapan:

TAHUN	KEUNTUNGAN RM	PEMBAYARAN DIVIDEN 8% SYER KEUTAMAAN RM	PEMBAYARAN DIVIDEN SYER BIASA RM
2014	350 000	240 000	110 000
2015	900 000	240 000	660 000
2016	-	0	0
2017	-	0	0
2018	720 000	720 000	0

Soalan 4 (TP3, TP5)

Pada 16 Mac 2017, Syarikat Harum Manis Berhad telah menerbitkan 40 000 unit 8% syer keutamaan RM2 sesyer dan 300 000 unit syer biasa RM1 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh.

Pada 30 September 2017, syarikat itu telah memutuskan untuk memberi dividen interim syer biasa 6% dan 8% syer keutamaan bagi tempoh 6 bulan pertama.

Pada 28 Februari 2018, untung bersih perniagaan ialah sebanyak 60 000. Lembaga pengarah mengumumkan perkara yang berikut.

(i)	Bayaran dividen akhir atas 8% syer keutamaan
(ii)	Bayaran dividen akhir 4% kepada pemegang syer biasa.

Anda dikehendaki:

- (a) menghitung :
- (i) dividen interim 8% syer keutamaan
 - (ii) dividen interim syer biasa
 - (iii) dividen akhir 8% syer keutamaan
 - (iv) dividen akhir syer biasa
- (b) Menyatakan perbezaan dividen interim dan dividen akhir

Jawapan :

(a) menghitung :

- (i) dividen interim 8% syer keutamaan
- (ii) dividen interm syer biasa

JENIS SYER	PENGIRAAN DIVIDEN INTERIM
(i) 8% syer keutamaan	= (40 000 unit syer X RM2) 8% X 6/12 = RM 3 200
(ii) Syer biasa	= (3 000 000 unit syer X RM1) X 6% = RM 18 000

- (iii) dividen akhir 8% syer keutamaan
- (iv) dividen akhir syer biasa

JENIS SYER	PENGIRAAN DIVIDEN AKHIR
(i) 8% syer keutamaan	= (40 000 unit syer X RM2) 8% X 5/12 = RM2667
(ii) Syer biasa	= (3 000 000 unit syer X RM1) X 4% = RM 12 000

(b) Menyatakan perbezaan dividen interim dan dividen akhir

PERKARA	SYER BIASA	SYER KEUTAMAAN
Kadar dividen	Kadar dividen tidak tetap. Bergantung pada prestasi syarikat	Kadar dividen tetap. Tidak bergantung pada prestasi syarikat
Hak untuk mengundi dalam mesyuarat agung	Berhak mengundi dalam mesyuarat agung	Tidak berhak mengundi

Sasaran	Pelajar Tingkatan 5
Subjek	Prinsip Perakaunan
Topik/Tema	MODUL 16.0 : PERAKAUNAN KOS
Nota Berkaitan	Rujuk Buku Teks muka surat 236- 242
Topik/tema	Rujuk Lampiran 1 (NOTA)
Standard Kandungan	16.1 JENIS KOS DAN KERJA DALAM PROSES
Standard Pembelajaran	<p>16.1.1 Menyatakan konsep kos dan jenis kos.</p> <p>16.1.2 Menyenaikan komponen kos pengeluaran.</p> <p>16.1.3 Mengira:</p> <ul style="list-style-type: none"> i Kos Bahan Langsung. ii Kos Buruh Langsung. iii Kos Belanja Langsung. iv Kos Prima. v Kos Overhed. <p>16.1.4 Menerangkan maksud Kerja Dalam Proses Awal dan Kerja Dalam Proses Akhir.</p> <p>16.1.5 Mengira setiap komponen kos pengeluaran dengan Mengambil kira Kerja Dalam Proses.</p>
Objektif Pembelajaran	<p>Murid dapat :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menerangkan konsep kos dan komponen kos pengeluaran 2. Mengira kos: <ul style="list-style-type: none"> i Kos Bahan Langsung. ii Kos Buruh Langsung. iii Kos Belanja Langsung. iv Kos Prima. v Kos Overhed. 3. Menerangkan maksud kerja dalam proses awal dan kerja dalam proses akhir 4. Mengira setiap komponen kos pengeluaran dengan mengambil kira kerja dalam proses awal dan akhir.
Tempoh Pelaksanaan Aktiviti	2 waktu / 1 jam
Pentaksiran	Tahap 1 : Menyatakan konsep dan jenis kos.

	<p>Tahap 2 : Menyenaikan komponen kos pengeluaran Menerangkan maksud Kerja Dalam Proses Awal, Kerja Dalam Proses Akhir</p> <p>Tahap 3 : Mentafsir Kos Tetap, Kos Berubah dan Margin Caruman.</p> <p>Mengklasifikasikan kos kepada Kos Bahan Langsung, Buruh Langsung, Belanja Langsung dan Overhed</p>
Panduan Kerja buat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pelajar merujuk buku teks dan nota yang diberi. (Rujuk Lampiran 1) 2. Murid-murid perlu memahami tajuk tersebut. 3. Murid-murid juga digalakkan untuk membuat rujukan daripada internet / laman web atau di link Youtube https://www.youtube.com/watch?v=TY4TUIQoqKU untuk mengukuhkan pengetahuan dan pemahaman murid. 4. Sekiranya murid-murid tidak memahami , murid-murid boleh meminta bimbingan daripada guru. 5. Setelah memahami tajuk tersebut, murid-murid hendaklah menjawab kesemua soalan Latihan dalam modul yang telah disediakan oleh guru. (Rujuk Lampiran 2) 6. Pelajar menghantar jawapan kepada guru untuk semakan dan guru merekod dalam fail PBD.

Konsep Kos

- Amaun yang perlu dibayar untuk mendapatkan sesuatu barangan atau perkhidmatan.
- Kos pengeluaran – kos yang terlibat dalam proses pengeluaran.
- Diukur dalam unit wang yang mesti dibayar untuk mendapatkan barangan atau perkhidmatan.

1. Kos Tetap

- Atau disebut sebagai kos malar.
- Kos yang tidak berubah mengikut perubahan tingkat aktiviti pengeluaran.
- Contoh; sewa kilang, insurans kilang, susutnilai loji dan mesin, gaji pengurus.
- Jumlah kos tetap adalah sentiasa sama walaupun pengeluaran bertambah atau berkurang.
- Kos tetap seunit akan berubah mengikut volum pengeluaran (unit keluaran / unit jualan).
- Semakin tinggi volum pengeluaran , semakin rendah kos tetap seunit dan sebaliknya.

2. Kos Berubah

- Kos yang berubah secara berkadar terus dengan perubahan dalam tingkat pengeluaran.
- Jumlah kos berubah akan bertambah atau berkurang pada kadar yang sama dengan perubahan dalam pengeluaran.
- Kos berubah seunit adalah tetap jika ada berlaku perubahan dalam tingkat pengeluaran.
- Contoh; kos bahan langsung, kos buruh langsung, duti atas bahan mentah, belanja langsung kilang.

ELEMEN PENGELUARAN

1. Kos bahan langsung

- ✓ Kos atau bahan utama dalam proses pengeluaran sesuatu barang.
- ✓ Contoh = cukai belian bahan langsung, angkutan masuk dan insurans atas belian
- ✓ Akan meningkat sekiranya unit pengeluaran ditingkatkan dan sebaliknya
- ✓ Contoh= kos bahan langsung bagi kilang yang mengeluarkan tayar akan meningkat sekiranya harga getah di pasaran meningkat

Rumus mengira kos bahan langsung ditunjukkan seperti berikut:

$$\text{Kos Bahan Langsung} = \text{Inventori Awal Bahan Langsung} + \text{Belanja Pembelian Bahan Langsung} - \text{Inventori Akhir Bahan Langsung}$$

2. Kos buruh langsung

- ✚ Upah yang diberi kepada pekerja yang terlibat secara langsung dalam proses pengeluaran.
- ✚ Merupakan kos berubah, semakin bertambah kuantiti barang @ perkhidmatan, dihasilkan, semakin bertambah kos buruh langsung.
- ✚ Contoh; buruh kilang, upah operator kilang, pekerja kilang sambilan (part time)

3. Belanja Langsung

- Belanja yang turut berubah secara berkadar terus dengan volum pengeluaran.
- Contoh; bayaran royalti, reka bentuk produk dan cap dagangan (paten).

4. Kos Prima

- ✓ Kos utama untuk menghasilkan sesuatu barang

Kos Prima = Kos Bahan Langsung + Kos Buruh Langsung + Belanja Langsung.

5. Kos Overhed

- ❖ Kos yang tidak terlibat secara langsung dalam proses pengeluaran tetapi diperlukan untuk mengeluarkan output (meliputi semua kos pengeluaran yang bukan kos bahan dan juga kos buruh langsung)
- ❖ Belanja selain bahan langsung, buruh langsung dan belanja langsung
- ❖ Sebahagian besar kos adalah tetap dalam tingkat pengeluaran tertentu.
- ❖ Contoh;
 1. Kos buruh tak langsung : gaji jurutera kilang, gaji penyelia kilang, gaji pengurus kilang dan gaji pengawal keselamatan kilang dan kerani kilang
 2. Bahan tak langsung; bahan api, minyak pelincir.
 3. Sewa kilang.
 4. Sewa loji dan mesin.
 5. Susut nilai loji dan mesin.
 6. Insurans kilang.
 7. Pembaikan dan penyelenggaraan loji dan mesin.
 8. Alat-alat kecil - perkakas-perkakas kecil yang digunakan untuk membaiki dan menyelenggara mesin dan loji di kilang; tukul, spana, nat, skru dan playar.

CONTOH 1 Mengira Kos Bahan Langsung, Kos Buruh Langsung, Kos Prima dan Kos Overhed

Maklumat berikut diperoleh dari Kilang Keropok Ibai yang beroperasi di Kuala Berang, Terengganu.

	RM
Buruh kilang	26 000
Inventori bahan langsung pada 1 Januari 2017	32 100
Inventori bahan langsung pada 31 Disember 2017	24 300
Belian bahan langsung	64 300
Duti belian bahan langsung	3 200
Angkutan masuk bahan langsung	450
Gaji pengurus kilang	5 000
Kadar bayaran kilang	3 100
Insurans kilang	6 700
Susut nilai mesin	760
Belanja langsung	5 100
Pulangan belian bahan langsung	2 300

Anda dikehendaki menghitung:

- (a) Kos Bahan Langsung
- (b) Kos Buruh Langsung
- (c) Kos Prima
- (d) Kos Overhed

Penyelesaian

(a) Kos Bahan Langsung

	RM	RM
Inventori bahan langsung pada 1 Januari 2017		32 100
Belian bahan langsung	64 300	
Tolak: Pulangan belian	<u>(2 300)</u>	
	62 000	
<i>Tambah:</i> Angkutan masuk bahan langsung	450	
Duti belian bahan langsung	<u>3 200</u>	
		65 650
		<u>97 750</u>
<i>Tolak:</i> Inventori bahan langsung pada 31 Disember 2017		<u>(24 300)</u>
Kos Bahan Langsung		<u><u>73 450</u></u>

(b) Kos Buruh Langsung

	RM
Buruh kilang	26 000
Kos Buruh Langsung	<u><u>26 000</u></u>

(c) Kos Prima

$$\text{Kos Prima} = \text{Kos Bahan Langsung} + \text{Kos Buruh Langsung} + \text{Belanja Langsung}$$

	RM
Kos bahan langsung	73 450
<i>Tambah:</i> Kos buruh langsung	26 000
Belanja langsung	5 100
Kos Prima	<u><u>104 550</u></u>

(d) Kos Overhed

	RM
Gaji pengurus kilang	5 000
Kadar bayaran kilang	3 100
Insurans kilang	6 700
Susut nilai Mesin	760
Kos Overhed	<u><u>15 560</u></u>

6. Kerja Dalam Proses

Kerja dalam Proses Awal

- Atau dikenali disebagai barang yang belum siap diproses atau barang separuh siap pada awal tempoh perakaunan akan disediakan dalam tempoh perakaunan semasa.

Kerja dalam Proses Akhir

- Barang yang belum siap diproses atau barang separuh siap pada akhir tempoh perakaunan akan disediakan dalam tempoh perakaunan berikutnya.

$$\text{Kos Pengeluaran} = \text{Kos Bahan Langsung} + \text{Kos Buruh Langsung} + \text{Kos Overhed} + \text{Kerja Dalam Proses Awal} - \text{Kerja Dalam Proses Akhir}$$

Pengiraan Setiap Komponen Kos Pengeluaran dengan Mengambil Kira Kerja dalam Proses

CONTOH 2 Mengira setiap komponen kos pengeluaran dengan mengambil kira kerja dalam proses awal dan akhir

Berdasarkan **Contoh 1**, kira kos pengeluaran bagi Kilang Keropok Ibai jika kerja dalam proses pada 1 Januari 2017 ialah RM7 800 dan kerja dalam proses pada 31 Disember 2017 ialah RM8 400.

Penyelesaian

	RM
Kos Bahan Langsung	73 450
Kos Buruh Langsung	26 000
Belanja Langsung	5 100
Kos Prima	<u>104 550</u>
Kos Overhed	15 560
	<u>120 110</u>
Tambah: Kerja dalam proses awal	7 800
	<u>127 910</u>
Tolak: Kerja dalam proses akhir	(8 400)
Kos Pengeluaran	<u>119 510</u>

INGAT!

$\text{KOS PRIMA} = \text{KOS BAHAN LANGSUNG} + \text{KOS BURUH LANGSUNG} + \text{BELANJA LANGSUNG}$

$\text{KOS OVERHED} = \text{KOS BURUH TAK LANGSUNG} + \text{BELANJA TAK LANGSUNG}$

